

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian iaitu perbincangan tentang kaedah kajian, reka bentuk kajian, pemilihan partisipan dan lokasi kajian, tatacara pemerolehan data dan prosedur penganalisan data. Kaedah kajian yang digunakan bertujuan untuk meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.

3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Sejak sepuluh tahun kebelakangan, penggunaan metodologi kajian kualitatif dalam pengajian kaunseling menjadi semakin popular. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini untuk meneroka proses dan bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR berdasarkan beberapa sebab. Pertama, kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2002). Kedua, kajian kuantitatif mempunyai batasan iaitu, tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci. Ketiga, kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Ini selaras dengan pandangan Denzin dan Lincoln (1994) yang

menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam. Oleh hal yang demikian, kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR.

Kajian yang dijalankan menepati ciri-ciri kajian kualitatif yang diperincikan oleh Merriam (1998), iaitu pertama, memberi fokus kepada memahami secara mendalam bagaimana seorang pensyarah-penyelia melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR dan dalam masa yang sama memahami bentuk-bentuk amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Kajian ini bukan untuk meramal atau membuat generalisasi, sebaliknya mencari pengertian terhadap bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa melaksanakan penyeliaan praktikum GBKSR. Ini bagi menjawab persoalan apa yang diselia dan bagaimana ianya dijalankan. Kedua, pemilihan partisipan kajian secara bertujuan dengan hasrat untuk memperoleh seberapa banyak mungkin data atau maklumat yang berkaitan. Ketiga, kajian ini mengambil pendekatan induktif, iaitu menjurus kepada pembinaan konsep dan kategori terhadap fenomena yang dikaji melalui data yang dipungut semasa di tempat kajian.

Keempat, kefahaman terhadap fenomena yang dikaji adalah dari interpretasi penyelidik berdasarkan pengalaman dan persepsi penyelidik. Kelima, hasil kajian adalah berbentuk naratif dan deskriptif yang disokong petikan kata-kata partisipan kajian. Ringkasnya ciri-ciri tersebut bertujuan memberi kefahaman tentang proses dan bentuk-bentuk amalan penyeliaan yang dipraktikkan oleh seseorang pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di lokasi sebenar.

Kaedah kajian kes secara kualitatif juga membolehkan penyelidik menyelidik, memerhati dan meneliti proses dan bentuk-bentuk amalan penyeliaan yang berlaku dalam persekitaran sebenar iaitu di dalam bilik bimbingan dan kaunseling, di dalam bilik darjah semasa guru pelatih menjalankan sesi kaunseling ataupun di dewan tempat guru pelatih menjalankan program-program khas.

Proses kajian dipandu oleh tiga soalan kajian iaitu: (1) Bagaimanakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR? (2) Apakah bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR? dan (3) Bagaimanakah bentuk matriks penyeliaan praktikum GBKSR. Bagi menjawab ketiga-tiga soalan kajian tersebut kajian terperinci terhadap seseorang pensyarah-penyelia praktikum yang melaksanakan proses dan amalan penyeliaan praktikum dalam situasi sebenar adalah penting. Oleh itu pemerhatian dalam bentuk kontekstual berjaya memberi suatu gambaran komprehensif mengenai perkara yang sebenarnya berlaku sewaktu proses penyeliaan praktikum GBKSR berlangsung. Ini dapat mewujudkan pemahaman yang lebih baik bagi pihak penyelidik untuk membuat interpretasi data (Cronbach, 1975).

Pemilihan kaedah kajian kes secara kualitatif juga disumbangkan oleh minat penyelidik untuk meneroka, membuat penemuan dan interpretasi dan bukannya untuk menguji hipotesis (Miles & Huberman, 1994; Merriam, 1998; Van Maanen, 1983). Ini selaras dengan bentuk kajian, iaitu kajian penerokaan yang ingin meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR dalam kalangan tujuh orang pensyarah-penyelia di IPG.

Kajian kes ini dijalankan di lima buah IPG di Semenanjung Malaysia. Partisipan utama kajian terdiri daripada tujuh orang pensyarah-penyelia praktikum GBKSR dari lima buah IPG. Partisipan dalam kalangan pensyarah-penyelia menjadi sumber data primer. Di samping itu kajian ini juga melibatkan seramai 21 orang guru pelatih. Kumpulan guru pelatih menjadi sumber data sekunder dalam kajian ini.

Kutipan data kajian ini mengambil masa selama enam bulan. Tiga bulan pertama digunakan untuk memungut data bagi kajian rintis. Manakala tiga bulan berikutnya digunakan untuk memungut data bagi kajian sebenar. Walaupun masa yang digunakan untuk kerja kajian lapangan adalah singkat bagi kajian kualitatif, namun dalam konteks kajian ini, penyelidik dapat mengumpul data yang diperlukan bagi tujuan penganalisan. Ini dilakukan kerana penyelidik berkomunikasi dengan partisipan kajian melalui e-mel ataupun telefon sekiranya memerlukan maklumat lanjut atau penjelasan lanjutan berkaitan dengan data yang diperoleh. Oleh itu proses pengumpulan data tidak berakhir di lokasi kajian sahaja sebaliknya berterusan walaupun selepas meninggalkan lokasi kajian. Ini bagi memastikan penyelidik mendapat sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian.


3.3 Reka Bentuk Kajian

Menurut Zikmund (2003) reka bentuk kajian adalah perancangan khas bagi suatu kaedah dan prosedur untuk mengumpul dan menganalisis data. Dalam konteks kajian ini, penyelidik memilih jenis kajian kes atau lebih tepat lagi sebagai kajian pelbagai kes (multiple case) atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (multisite studies) sebagai reka bentuk kajian. Penyelidikan pelbagai kes menurut Merriam (2001), melibatkan pengumpulan dan penganalisan data daripada beberapa kes dan kajian kes

ini meningkatkan kesahan luaran atau generalisasi dapatan penyelidikan. Menurut Miles dan Heberman (1994) pula kita boleh mengukuhkan ketepatan, kesahan dan kestabilan hasil penyelidikan dengan melihat persamaan dan perbezaan dalam pelbagai kes. Pemilihan reka bentuk kajian jenis ini dilakukan penyelidik berasaskan kelebihan berikut: (1) melibatkan beberapa kes yang hampir sama, (2) wujud replikasi dalam pelbagai kes yang boleh menghasilkan pola yang hampir sama berhubung fenomena yang diselidiki dan (3) setiap kes boleh menghasilkan ramalan yang sama atau berbeza tetapi mengikut pola yang dipetakan dalam kerangka penyelidikan. Justeru, penyelidikan pelbagai kes dalam seting atau konteks berlainan boleh dilihat sebagai menyumbang kepada kebolehpercayaan dan kesahan reka bentuk sesuatu penyelidikan (Noriah, 2010)

Dari segi bentuk kajian pula, penyelidik memilih kajian kes berbentuk penerokaan dengan menggunakan kaedah holistik. Yin (1994) mendefinisikan reka bentuk holistik sebagai satu reka bentuk kajian kes yang hanya mengambil satu unit analisis tetapi boleh menggunakan satu atau lebih kes. Bentuk kajian kes jenis ini sesuai digunakan apabila penyelidik ingin menjawab persoalan penyelidikan berbentuk “kenapa” dan “bagaimana” (Noriah, 2010). Ini selari dengan persoalan dalam kajian ini iaitu bagaimanakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR dan apakah bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Justeru reka bentuk kajian kes ini sangat sesuai dengan usaha penyelidik untuk mengkaji fenomena yang menunjukkan interaksi kompleks yang berlaku sepanjang proses penyeliaan praktikum GBKSR. Usaha penyelidik yang memberi fokus kepada proses penyeliaan dan memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR adalah selari dengan reka bentuk kajian kes ini kerana kes yang dikaji mempunyai interaksi yang kompleks dalam konteks yang tersendiri. Menurut Yin

(1994) lagi kajian kes akan dapat menghasilkan satu pola terperinci tentang fenomena yang diselidik oleh penyelidik.. Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk kajian.



Rajah 3.1 : Reka bentuk kajian.

Reka bentuk ini membolehkan penyelidik membuat pemerhatian terhadap proses dan bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR di tempat kajian. Hal tersebut membolehkan penyelidik melihat dan memahami aktiviti yang berlaku dalam situasi sebenar di persekitaran kawasan kajian (Cresswell, 1994). Seterusnya penyelidik dapat memerihalkan ciri-ciri perhubungan penyeliaan supaya dapat memberi kefahaman yang jelas mengenai bagaimana seseorang pensyarah-penyelia praktikum menjalankan tugas penyeliaannya.

Kaedah kajian kes menggunakan pengumpulan data secara tringulasi, iaitu pengumpulan data dari tiga sumber iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Oleh itu, kajian kes menurut De Vaus (2005) adalah suatu penerokaan mendalam yang berupaya menjurus kepada pembinaan konsep kerana kajian ini melalui satu proses pengumpulan dan penganalisan data secara induktif.

Pada akhir kajian ini, penyelidik dijangka dapat mengemukakan dan memaparkan satu matriks pernyataan tentang ciri-ciri yang perlu ada dalam melaksanakan proses dan amalan penyeliaan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Paparan ini dibuat berasaskan dapatan keseluruhan kajian yang dirumus secara sistematik yang mengandungi semua konstruk penting dalam melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR. Matriks ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada semua pensyarah-penyelia praktikum dalam menjalankan tugas penyeliaan masing-masing. Jadual 3.1 menunjukkan secara terperinci langkah-langkah yang diambil dalam keseluruhan reka bentuk kajian.

Jadual 3.1

Langkah Kerja Dalam Reka Bentuk Keseluruhan Kajian

Langkah	Kaedah	Aktiviti	Hasil
1.Mengenal pasti tugas-tugas pensyarah- penyelia praktikum GBKSR	Analisis dokumen Tinjauan literatur	Meninjau dan menganalisis dokumen: - Garis panduan praktikum latihan perguruan praperkhidmatan -Pekeliling perkhidmatan B&K di sekolah -Sukatan mata pelajaran B&K bagi KPLI -Borang-borang penilaian praktikum yang dikeluarkan oleh BPG -Senarai tugas GBKSR	Senarai semak tugas Panduan pengurusan penyeliaan praktikum GBKSR
2. Meneroka proses dan amalan pensyarah- penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR	Menjalankan pemerhatian secara berfokus terhadap pengendalian proses penyeliaan praktikum dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR -Senarai semak -Nota lapangan	Memerhati secara berfokus dan serius terhadap dua aspek iaitu pelaksanaan proses penyeliaan praktikum dan pada masa sama memerhati bentuk-bentuk amalan pensyarah- penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Mengekod fasa-fasa dalam proses penyeliaan dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa melaksanakan proses penyeliaan mengikut tema, su-btema, kategori, sub-kategori, elemen dan sub-tema yang sesuai. Membuat catatan dan refleksi	1.Maklumat / data mengenai proses pengendalian penyeliaan praktikum oleh pensyarah-penyelia praktikum -pentadbiran dan pengurusan praktikum -fokus terhadap aspek apa yang diselia -jenis-jenis penyeliaan mengikut peringkat-peringkat penyeliaan. 2.Maklumat atau data mengenai bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum mengikut jenis dan peringkat yang berbeza-beza.
3. Meneroka proses dan memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR	Temu bual mendalam berhubung dengan proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR	Membina protokol temu bual Mentadbir temu bual, membuat transkripsi dan mengekod aspek proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah- penyelia mengikut tema, su-btema, kategori,sub-kategori, dan sub-elemen sesuai. Persetujuan <i>inter-rater</i> , Mendapat pengesahan partisipan kajian	Bentuk-bentuk amalan yang dipraktikkan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.
4. Memaparkan matriks penyeliaan praktikum GBKSR	Pendekatan pelbagai kaedah / Triangulasi iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen	Menyepadukan hasil daripada tiga kaedah tersebut.	Pernyataan ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR meliputi fasa-fasa dalam proses penyeliaan, fokus penyeliaan, kaedah yang digunakan dalam penyeliaan dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.Matriks terhasil daripada usaha penyelidik membuat padanan antara dapatan kajian dengan komponen dalam Model SAS.

Bahagian berikut menjelaskan secara terperinci setiap langkah yang diambil dalam reka bentuk kajian. Langkah pertama dalam pengumpulan data kajian ialah mengenal pasti peranan dan tugas pensyarah-penyelia mengikut garis panduan praktikum yang dikeluarkan oleh BPG. Dokumen seperti garis panduan praktikum latihan perguruan praperkhidmatan, pekeliling perkhidmatan B&K di sekolah rendah, sukatan pelajaran B&K untuk KPLI, borang penilaian PR1/BK dan PR2/BK, senarai tugas GBKSR dan buku rekod aktiviti guru pelatih disemak bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan peranan dan tugas seorang pensyarah-penyelia. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti tatacara pentadbiran penyeliaan praktikum yang diamalkan.

Langkah kedua, menjalankan pemerhatian. Untuk membuat pemerhatian penyelidik sentiasa berada bersama dengan pensyarah-penyelia. Pemerhatian yang dijalankan berfokus kepada dua perkara. Pertama, bagaimana pensyarah-penyelia mentadbir dan mengurus proses penyeliaan praktikum GBKSR. Termasuk dalam aspek ini ialah bagaimana proses penyeliaan distrukturkan, apa yang diselia dan bagaimana kaedah yang diamalkan untuk menjalankan tugas penyeliaan praktikum GBKSR. Kedua, bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan proses penyeliaan. Termasuk dalam aspek ini ialah bentuk-bentuk amalan yang muncul semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Semasa pemerhatian berjalan, penyelidik membuat catatan atau nota lapangan pada bahagian yang telah dikhaskan. Ini bagi memastikan tidak ada maklumat yang tercacir dan bagi membiasakan penyelidik dengan maklumat awal untuk digunakan dalam temu bual selepas itu. Bagi memudahkan kefahaman data dan maklumat, penyelidik membuat pemerhatian secara serius terhadap dua aspek ini. Ini penting bagi penyelidik untuk mengumpul maklumat dan data bagi menjawab tiga soalan kajian.

Langkah ketiga ialah mengadakan temu bual bersama pensyarah-penyelia dan kumpulan guru pelatih. Temu bual dengan pensyarah-penyelia bagi memperoleh sumber data primer dan temu bual bersama guru pelatih untuk mendapatkan data sekunder. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang selari dengan apa yang penyelidik peroleh semasa pemerhatian yang dibuat sebelum itu. Penyelidik menemubual pensyarah-penyelia praktikum mengenai fasa-fasa dalam proses penyeliaan, apa yang diselia, bagaimana kaedah-kaedah yang digunakan semasa menyelia dan apakah bentuk-bentuk amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa melaksanakan proses menyelia praktikum GBKSR. Temu bual juga dijalankan dengan yang diselia untuk mendapat penjelasan dan persepsi mereka terhadap ciri-ciri peribadi penyelia.

Langkah keempat adalah mempamerkan matriks penyeliaan praktikum GBKSR. Hasil yang diperoleh daripada dapatan kajian dirumuskan untuk membina satu set pernyataan ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR. Untuk itu penyelidik menggunakan gabungan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), Yin (1994), Marshall, Catherine dan Rossman (1995), serta Silverman (2002) bagi memastikan data yang dikumpul diperoleh sepenuhnya daripada pelbagai sumber. Aplikasi pelbagai kaedah pengumpulan data digunakan kerana penyelidik ingin mengesah data yang diperoleh saling menyokong dan hal ini menguatkan bukti data yang diperoleh (Mason, 1996). Bukti daripada pelbagai sumber akan memberi kelebihan dan memperkayakan data (Yin, 1994). Kaedah ini juga bertujuan memastikan wujud perhubungan antara fakta yang dipetik daripada sumber-sumber tersebut. Kaedah ini bukan sahaja mengukuhkan kesahan terhadap konstruk kajian malah memberi dapatan yang lebih tepat lagi menyakinkan (Yin, 1994).

Penyelidik juga melaksanakan beberapa tindakan seperti yang dicadangkan oleh Yin (1994), untuk meningkatkan kesahan serta kebolehpercayaan semasa pengumpulan dan penganalisan data. Jadual 3.2 memaparkan cara menentukan kesahan dan kebolehpercayaan serta bila dilaksanakan sepanjang menjalankan kajian ini.

Jadual 3.2

Ciri Ujian dan Taktik Kajian Kes

	Tindakan Penyelidik	Fasa Kajian
Kesahan konstruk	-menggunakan pelbagai sumber -membentuk rangkaian bukti (pemerhatian, temu bual, analisis dan dokumen) -menyemak draf laporan kajian kes	-pengumpulan data -pengumpulan data -penulisan
Kesahan dalaman	-memadankan pola-pola -membina penjelasan -melakukan analisis berterusan	-analisis data -analisis data -analisis data
Kebolehpercayaan	-menggunakan prosedur kajian kes -membentuk jejak audit -mendapatkan semakan rakan	-pengumpulan data -pengumpulan data -analisis data

Sumber: Disesuaikan daripada Yin (1994).

Reka bentuk kajian adalah penting kerana ia menjadi panduan prosedur yang perlu dipatuhi. Dalam konteks kajian ini, penyelidik menggunakan kerangka reka bentuk kajian pada Jadual 3.2 dalam menjalankan penyelidikan.

3.4 Pemilihan Partisipan dan Lokasi Kajian

Mengikut Patton (1990) tidak ada satu peraturan bagi menentukan saiz sampel. Menurutnya lagi, dalam kajian kualitatif partisipan kajian dipilih dalam jumlah yang kecil. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan berfokus. Dalam

kajian ini jumlah partisipan yang dipilih untuk tujuan pengumpulan data terdiri daripada partisipan primer dan sekunder. Partisipan primer adalah pensyarah-penyelia praktikum seramai tujuh orang. Ini selaras dengan pernyataan Spencer dan Spencer (1993), yang menjelaskan bahawa tujuh orang partisipan kajian adalah memadai bagi memperoleh data kualitatif yang bernilai. Manakala partisipan sekunder seramai 21 orang. Mereka adalah guru pelatih yang berada di bawah bimbingan pensyarah-penyelia. Jumlah keseluruhan partisipan kajian ialah seramai 28 orang.

Dalam sesebuah lokasi kajian terdapat ramai pensyarah-pensyarah yang boleh ditemui dan boleh dijadikan partisipan kajian, namun adalah mustahil bagi penyelidik untuk menemu bual dan memerhatikan proses penyeliaan praktikum. Justeru pemilihan partisipan kajian perlu diberi justifikasi. Dalam konteks kajian ini penentuan pemilihan partisipan kajian dibuat menggunakan teknik persampelan bertujuan. Babbie (2002), menjelaskan persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan kepada pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Pemilihan sampel bertujuan memberi banyak maklumat yang berkaitan (Silverman, 2002). Dalam penggunaan teknik ini, penyelidik menggunakan akal, peluang, masa yang ada dan juga persoalan kajian sebagai kriteria dalam menentukan pemilihan partisipan kajian. Berdasarkan aspek tersebut, penyelidik membentuk lima kriteria untuk menentukan pemilihan partisipan kajian. Pertama individu yang dipilih sebagai partisipan kajian mestilah terdiri daripada pensyarah akademik yang sedang bertugas di IPG yang dipilih dan mengajar subjek bimbingan dan kaunseling untuk program KPLI. Selain mengajar pensyarah ini mestilah terlibat sebagai penyelia praktikum bagi kursus bimbingan dan kaunseling program KPLI. Hal ini penting untuk memastikan aspek yang dikaji iaitu proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia di tapak praktikum dapat dipastikan dengan baik. Kedua, penyelidik

juga perlu mendapatkan persetujuan dan kesanggupan pensyarah-penyelia untuk terlibat dalam kajian ini. Hal ini penting kerana tempoh kajian yang agak lama serta keperluan maklumat oleh penyelidik daripada partisipan. Penyelidik telah mendapat kebenaran daripada partisipan untuk merakam, menyimpan, meneliti dan menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan persoalan kajian. Ketiga, partisipan yang dipilih diperoleh daripada pencalonan oleh ketua jabatan berkenaan di tempat pensyarah-penyelia bertugas. Keempat, pensyarah-penyelia mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun sebagai pensyarah penyelia praktikum GBKSR dan kelima pensyarah-penyelia telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang pada pandangan ketua jabatan. Kriteria keempat dan kelima penting untuk memastikan hasil dapatan kajian merupakan hasil kerja terbaik yang pernah dilakukan oleh pensyarah-penyelia.

Untuk mendapatkan partisipan kajian yang memenuhi kriteria di atas penyelidik melaksanakan prosedur berikut; pertama, penyelidik menghubungi IPG induk untuk mengenal pasti IPG kampus yang menawarkan KPLI opsyen bimbingan dan kaunseling sekolah rendah; kedua, penyelidik menghantar surat pencalonan. Dalam surat pencalonan yang dihantar kepada ketua jabatan, disertakan bersama kriteria-kriteria pemilihan pensyarah seperti di atas. Ketua jabatan berkenaan diminta mencalonkan dua orang pensyarah-penyelia bagi setiap IPG. Penyelidik hanya memerlukan seorang pensyarah-penyelia sebagai partisipan dari IPG manakala seorang lagi sebagai calon simpanan atau ganti jika pensyarah-penyelia pertama tidak menerima pencalonan tersebut atau sekiranya berlaku perkara-perkara yang boleh menghalang salah seorang partisipan daripada mengambil bahagian dalam kajian ini. Ketiga, setelah penyelidik menerima pencalonan partisipan kajian daripada ketua jabatan, penyelidik menghubungi melalui telefon bertanyakan tentang kesediaan mereka untuk melibatkan diri sebagai partisipan kajian. Mereka dimaklumkan beberapa perkara. Pertama, penyertaan adalah

secara sukarela. Kedua, tentang kekerapan penglibatan mereka dalam pemerhatian dan temu bual iaitu masing-masing sebanyak tiga peringkat sepanjang mereka menyelia praktikum (Lampiran B). Partisipan diminta menandatangani borang pemakluman yang telah disediakan sebelum proses pemerhatian bermula. Manakala bagi guru pelatih hanya terlibat dengan satu temu bual sahaja iaitu pada akhir penyeliaan. Temu bual bersama guru pelatih diadakan secara berkumpulan.

Kebanyakan kajian kualitatif menjalankan kajian lapangan bagi tujuan mendapatkan data. Justeru Lokasi kajian yang dipilih perlu mengambilkira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membatasi apa yang ingin dikaji. Mengikut Spradley (1980, hlm. 45), "*Each investigator will have different reasons for selecting a particular setting for research.*" Kajian dijalankan di sekolah di mana tempat partisipan primer melaksanakan proses penyeliaan. Pemerhatian dilaksanakan di lokasi kajian supaya penyelidik dapat memahami konteks sebenar berhubung dengan kajian. Mengikut Marohaini (2001), "kebanyakan masalah yang berkait dengan pelajaran melibatkan manusia dalam konteks tertentu yang memerlukan penyelesaian yang realistik dan berasas." Justeru mengumpul data dan maklumat di lokasi sebenar adalah penting bagi memastikan data atau maklumat yang dihasilkan adalah bersifat semula jadi.

Tempoh pelaksanaan kajian di lapangan adalah selama dua semester pengajian. Kajian ini bermula pada bulan Jun dan berakhir pada bulan April tahun berikutnya. Jangka masa tersebut dibahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama bermula bulan Jun hingga Oktober dan peringkat kedua bermula Januari hingga April. Pembahagian peringkat ini adalah berdasarkan tempoh pelaksanaan praktikum GBKSR. Pada

peringkat pertama penyelidik menjalankan kajian terhadap dua pasangan penyeliaan iaitu bagi kajian rintis.

Manakala pada peringkat kedua dan ketiga, sebanyak tujuh pasangan penyeliaan terlibat dengan kajian sebenar. Pensyarah-penyelia yang telah terlibat dengan kajian rintis tidak diambil sebagai partisipan kajian sebenar. Tempoh tersebut memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka dan meneliti proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia praktikum di lokasi sebenar.

Sebelum proses pengumpulan data dilaksanakan, partisipan kajian dikenal pasti terlebih dahulu. Oleh kerana kaedah kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell, 2002), penyelidik memilih partisipan kajian yang dapat menyumbangkan input dan maklumat bagi membantu memahami secara mendalam mengenai perkara yang dikaji. Hal ini diperoleh melalui prestasi kerja yang aktif.

Spencer dan Spencer (1993), mencadangkan untuk mengenal pasti partisipan yang menunjukkan prestasi kerja efektif, adalah memadai dengan merujuk kepada majikan, iaitu melalui pencalonan yang dikemukakan oleh majikan (Kane & Lawler, 1979). Selepas dikenal pasti IPG yang menawarkan kursus KPLI opsyen bimbingan dan kaunseling, penyelidik seterusnya mendapatkan pencalonan nama daripada ketua jabatan IPG pensyarah-penyelia yang berpengalaman bertugas di IPG dan pengalaman menyelia praktikum GBKSR melebihi lima tahun.

Mereka yang berpengalaman seperti ini dianggap berjaya mengurus praktikum dengan cemerlang. Penyelidik cuba memilih partisipan kajian yang mempunyai ciri-ciri

persamaan dan strategi ini juga dikenali sebagai persampelan homogenus (Patton, 1990). Ini bertujuan bagi memperolehi data secara lebih mendalam dan berfokus. Dengan demikian, ianya membantu penyelidik memahami dan memperihalkan ciri-ciri dalam proses dan bentuk-bentuk amalan penyeliaan yang terbaik dan terperinci.

Kesimpulannya, tujuan dan jenis masalah yang dikaji menjadi faktor penentu terhadap pemilihan kaedah dan pendekatan dalam sesebuah kajian. Dalam konteks kajian ini, proses pelaksanaan penyeliaan praktikum dan bentuk amalan pensyarah-penyelia menentukan pemilihan kaedah dan pendekatan kajian.

3.4.1 Profil partisipan primer

Dalam memastikan pematuhan terhadap etika kerahsiaan dalam penyelidikan, semua partisipan yang terlibat dalam kajian telah diberikan gelaran samaran semasa membuat pelaporan dan semua maklumat yang diberikan dirahsiakan. Ini bagi memastikan usaha-usaha ke arah menjaga kebajikan partisipan diutamakan dalam melaksanakan kajian atau penyelidikan. Profil lengkap mengenai semua partisipan primer seperti pada Jadual 3.3. Merujuk kepada Jadual 3.3, partisipan kajian dalam kalangan partisipan primer terdiri daripada tujuh orang pensyarah-penyelia. Daripada jumlah tersebut tiga orang bertugas di IPG Zon Tengah, manakala masing-masing dua bertugas di IPG Zon Utara dan Timur. Dari segi jantina, partisipan terdiri daripada orang lelaki dan dua orang perempuan. Seramai dua orang daripadanya berada pada Gred DG44 dan seramai lima orang Gred DG 48. Dari segi pengalaman sebagai pensyarah-penyelia, seramai enam orang mempunyai pengalaman selama enam hingga sepuluh tahun dan seorang mempunyai pengalaman 11 hingga 15 tahun. Manakala dari segi pengalaman sebagai

pensyarah-penyelia praktikum pula didapati enam orang berpengalaman selama lima hingga sepuluh tahun dan seorang berpengalaman selama 11 hingga 13 tahun

Jadual 3.3

Profil Partisipan Primer Berdasarkan Tempat Bertugas, Jantina, Gred Jawatan, Pengalaman Sebagai Pensyarah- penyelia dan Penyelia Praktikum, Kelayakan Akademik Tertinggi dan Lokasi Sekolah

Profil Partisipan Kajian	Bil	P.A	P.B	P.C	P.D	P.E	P.F	P.G
IPG								
Bertugas (Zon)								
Tengah	3	1	1				1	
Utara	2				1	1		
Timur	2			1				1
Jantina								
Lelaki	5		1	1	1	1		1
Perempuan	2	1					1	
Gred Jawatan								
DG 44	2	1						1
DG 48	5		1	1	1	1	1	
Pengalaman Sebagai Pensyarah-penyelia (Tahun)								
7-12	6	1	1	1		1	1	1
13-18	1				1			
Pengalaman Sebagai Penyelia Praktikum (Tahun)								
6-10	6	1	1	1		1	1	1
11-15	1				1			
Kelulusan Akademik (Tertinggi)								
Sajana B&K	7	1	1	1	1	1	1	1
Lokasi Sekolah Praktikum								
Bandar	5	1	1	1	1	1		
Luar bandar	2						1	1

Dari segi kelulusan akademik tertinggi didapati ketujuh-tujuh orang pensyarah-penyelia mempunyai sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Jumlah sekolah yang terlibat ialah sebanyak tujuh buah. Daripada jumlah tersebut lima buah sekolah terletak di kawasan bandar manakala dua buah lagi di kawasan luar bandar. Maklumat mengenai lokasi sekolah diperoleh daripada jabatan pelajaran negeri-negeri berkenaan. Bahagian berikut adalah perbincangan terperinci mengenai profil partisipan primer.

Partisipan A

Partisipan A adalah seorang pensyarah- penyelia perempuan. Bertugas di salah sebuah IPG Zon Tengah. Beliau berada pada gred DG44. Berpengalaman bertugas sebagai pensyarah-penyelia selama sembilan tahun. Beliau juga mempunyai pengalaman sebagai penyelia praktikum dalam bidang kaunseling selama lapan tahun. Lokasi penyeliaan praktikum ialah sebuah sekolah di kawasan bandar. Mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan B

Merupakan seorang pensyarah-penyelia lelaki. Bertugas di sebuah IPG Zon Tengah. Berada pada gred DG48 sebagai pensyarah-penyelia cemerlang. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama sembilan tahun dan sebagai penyelia praktikum dalam bidang bimbingan dan kaunseling lapan tahun. Lokasi penyeliaan praktikum ialah sekolah kawasan bandar. Mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan C

Merupakan seorang pensyarah- penyelia lelaki, bertugas di IPG Zon Timur. Berada pada gred DG48. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama tujuh tahun dan sebagai penyelia praktikum selama enam tahun. Lokasi penyeliaan praktikum ialah di sebuah sekolah kawasan bandar. Kelulusan tertinggi beliau ialah peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan D

Merupakan seorang pensyarah- penyelia lelaki. Bertugas di IPG Zon Utara. Berada pada gred DG 48. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama 18 tahun dan pengalaman sebagai penyelia praktikum selama 13 tahun. Lokasi penyeliaan praktikum di sekolah kawasan bandar dan mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan E

Merupakan seorang pensyarah- penyelia lelaki. Bertugas di IPG Zon Utara. Berada pada gred DG 48. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama 12 tahun dan pengalaman sebagai pensyarah-penyelia praktikum selama 10 tahun. Lokasi penyeliaan praktikum di sekolah kawasan bandar dan mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan F

Merupakan seorang pensyarah-penyelia perempuan. Bertugas di IPG Zon Tengah. Berada pada gred DG48. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama 12 tahun dan pengalaman sebagai pensyarah-penyelia praktikum selama 11 tahun. Lokasi penyeliaan praktikum di sekolah kawasan luar bandar. Mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Partisipan G

Merupakan seorang pensyarah-penyelia lelaki. Bertugas di IPG Zon Timur. Berada pada gred DG 44. Mempunyai pengalaman sebagai pensyarah-penyelia selama tujuh tahun dan pengalaman sebagai penyelia praktikum selama enam tahun. Lokasi penyeliaan praktikum di sekolah kawasan luar bandar. Mempunyai kelulusan tertinggi peringkat sarjana dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Jadual 3.4 menunjukkan perbandingan jumlah penyeliaan praktikum dengan pencapaian cemerlang, kepujian dan lulus bagi setiap partisipan primer dari tahun 2007 hingga 2009.

Jadual 3.4 menunjukkan dalam tempoh tiga tahun (2007-2009), sebanyak 196 penyeliaan praktikum melibatkan tujuh orang partisipan kajian. Daripada jumlah tersebut partisipan A berpengalaman menyelia seramai 27 orang, partisipan B seramai 28 orang, partisipan seramai C 22 orang, partisipan seramai D 37 orang, partisipan E seramai 31 orang, partisipan F seramai 26 dan partisipan G seramai 25 orang. Semua partisipan berjaya melahirkan guru-pelatih yang sekurang-kurangnya mencapai tahap lulus dalam praktikum

Jadual 3.4

Perbandingan Jumlah Penyeliaan Praktikum dengan Pencapaian Pelatih Dalam Kategori Cemerlang, Kepujian dan Lulus Bagi Setiap Partisipan Primer Dari tahun 2007 hingga 2009

Bil	Partisipan	Penyeliaan	Pencapaian Cemerlang	Pencapaian Kepujian	Pencapaian Lulus	Peratus Lulus
1	A	27	18	6	3	100
2	B	28	18	6	4	100
3	C	22	14	7	1	100
4	D	37	20	12	5	100
5	E	31	17	10	4	100
6	F	26	15	10	1	100
7	G	25	12	9	4	100

Sumber. Unit Praktikum IPG

Partisipan A melahirkan seramai 18 (66.7%) pelatih cemerlang, 6 (22.2) kepujian dan 3 (11.1%) lulus. Partisipan B melahirkan 18 (64.2%) pelatih cemerlang, 6 (21.4%) kepujian dan 4 (14.3%) lulus. Partisipan C pula melahirkan seramai 14 (63.6%) pelatih cemerlang, 7 (31.9%) kepujian dan 1(4.5%) lulus. Partisipan D melahirkan seramai 20 (54.0%) pelatih cemerlang, 12 (32.4%) kepujian dan 5 (13.5%) pelatih lulus. Manakala partisipan E melahirkan seramai 17 (54.9%) pelatih cemerlang, 10 (32.2%) kepujian dan seramai 4 (12.9%) lulus. Partisipan F melahirkan seramai 15 (57.6%) pelatih cemerlang, 10 kepujian (38.4%) dan 1 (4.0%) pelajar lulus dan partisipan G berjaya melahirkan seramai 12 (48%) pelatih cemerlang, 9 (36%) pelatih kepujian dan seramai 4 (16%) orang mencapai tahap lulus.

3.4.2 Profil partisipan sekunder

Jadual 3.5 menunjukkan profil guru pelatih bagi setiap pensyarah-penyelia.

Jadual 3.5

Profil Kumpulan Guru-Guru Pelatih Bagi Setiap Pensyarah-penyelia

Bil	Guru Pelatih	Pensyarah-Penyelia	Jantina	Umur	Kelulusan Akademik (Sarjana Muda)	Pengalaman Dalam B&K (Ada/Tidak)	Lokasi Sekolah praktikum
1	GP1	A	L	22	Psikologi Kaunseling (UMS)	Ada	Bandar
2	GP2	A	P	23	Sains Pentadbiran (UITM)	Tiada	Bandar
3	GP3	A	P	22	Perakauanan (UUM)	Tiada	Bandar
4	GP4	B	L	25	Psikologi Kaunseling (UMS)	Ada	Bandar
5	GP5	B	L	24	Psikologi Kaunseling (UMS)	Tiada	Bandar
6	GP6	B	P	26	Psikologi (UKM)	Tiada	Bandar
7	GP7	C	L	26	Kaunseling (UM)	Ada	Bandar
8	GP8	C	L	26	Psikologi (UKM)	Tiada	Bandar
9	GP9	C	P	27	Psikologi (UIA)	Tiada	Bandar
10	GP10	D	P	26	Kaunseling (UMT)	Tiada	Bandar
11	GP11	D	P	28	Kaunseling(UMT)	Tiada	Bandar
12	GP12	D	P	28	Kaunseling(UMT)	Tiada	Bandar
13	GP13	E	P	27	Kewangan (UMS)	Tidak	Bandar
14	GP14	E	P	29	Psikologi (UIAM)	Tiada	Bandar
15	GP15	E	P	28	Perniagaan (UPM)	Tiada	Bandar
16	GP16	F	L	27	Kaunseling(UMT)	Ada	Luar Bandar
17	GP17	F	L	27	Kaunseling (UM)	Tiada	Luar Bandar
18	GP18	F	L	28	Psikologi (UIA)	Tiada	Luar Bandar
19	GP19	G	P	26	Kerja Sosial (UUM)	Tiada	Luar Bandar
20	GP20	G	P	23	Psikologi (UKM)	Tiada	Luar Bandar
21	GP21	G	P	26	Psikologi (UKM)	Tiada	Luar Bandar

Adalah menjadi amalan semasa menjalani praktikum GBKSR seramai tiga orang guru pelatih diletak di bawah seorang pensyarah-penyelia. Ini bermakna terdapat seramai 21 orang guru pelatih yang berada di bawah seliaan tujuh orang pensyarah-penyelia.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia A

Terdapat tiga orang guru pelatih di bawah penyeliaan pensyarah-penyelia A. Mereka ialah GP1, GP2 dan GP3. GP1 adalah seorang guru pelatih lelaki, berusia 22 tahun, kelulusan dalam bidang Psikologi Kaunseling dari UMS. GP2: seorang perempuan, berusia 23 tahun, berbangsa Melayu, kelulusan Sarjana Muda Sains Pentadbiran dari UiTM. GP3: seorang perempuan, berusia 22 tahun, bangsa Melayu dan kelulusan Sarjana Muda Perakaunan dari UUM. Kesemua guru pelatih ini menjalani praktikum di sekolah kawasan bandar. Semua guru pelatih di bawah penyeliaan Pensyarah-Penyelia A tidak mempunyai pengalaman dalam bimbingan dan kaunseling.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia B

Tiga guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia B ialah GP4, GP5 dan GP 6. GP4 seorang pelatih lelaki, berusia 25 tahun berkelulusan Sarjana Muda Psikologi kaunseling dari UMS. GP5 seorang pelatih Lelaki, berusia 24 tahun dan berkelulusan Sarjana Muda Psikologi Kaunseling UMS. GP 6 seorang guru pelatih perempuan, berusia 26 tahun dan berkelulusan Sarjana Muda Psikologi dari UKM. Mereka menjalani praktikum di sekolah kawasan bandar.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia C

Tiga orang guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia C iaitu GP7, GP8 dan GP9. GP 7 seorang lelaki, berusia 26 tahun, kelulusan Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaya, berpengalaman kerja dalam bidang kaunseling sebelum mengikuti program KPLI. GP8: seorang lelaki berusia 26 tahun, bekelulusan Psikologi dari UKM. GP9 seorang perempuan, bekelulusan Psikologi dari UIA dan berusia 27 tahun. Semua guru pelatih ini menjalani praktikum di sekolah kawasan bandar.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia D

Guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia D ialah GP10, GP11 dan GP12. GP10: seorang perempuan berbangsa Melayu berusia 26 tahun, GP11 adalah seorang perempuan, berusia 28 tahun dan GP12 seorang perempuan, berbangsa Melayu, berusia 28 tahun. Mereka mempunyai ijazah Sarjana Muda Kaunseling dari UMT. Sekolah tempat praktikum ialah di kawasan bandar.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia E

Tiga orang guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia E ialah GP13, GP14 dan GP 15. GP13: seorang perempuan berusia 26 tahun, berbangsa Melayu dan bekelulusan Sarjana Muda Kewangan dari UMS. GP14 seorang perempuan, berumur 29 tahun dan bekelulusan Sarjana Muda Psikologi dari UIA. GP15 seorang perempuan berusia 28 tahun dan mempunyai kelulusan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari UPM. Kesemua mereka menjalani praktikum di sekolah kawasan bandar.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia F

Guru-guru pelatih yang berada di bawah pensyarah-penyelia F ialah GP16, GP17 dan GP18. GP16 seorang lelaki, berumur 27 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Kaunseling dari UMT, GP17 seorang lelaki, berusia 27 tahun, kelulusan Sarjana Muda Kaunseling dari UM dan GP18 seorang lelaki, berusia 28 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Psikologi dari UIA. Kesemua mereka menjalani praktikum di sekolah kawasan luar bandar.

Profil Guru Pelatih Pensyarah-Penyelia G

Guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia G ialah GP19, GP20 dan GP21. GP19 seorang perempuan, berusia 26 tahun, berkelulusan ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial dari UUM, GP20 seorang perempuan berusia 23 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Psikologi dari UKM dan GP21 seorang perempuan berusia 26 tahun berkelulusan Sarjana Muda Psikologi dari UKM. Kesemua mereka menjalani praktikum di sekolah kawasan luar bandar.

Semua pemerhatian dan temu bual dijalankan di sekolah yang menjadi lokasi praktikum. Sekolah dikategorikan sebagai bandar dan luar bandar. Kategori sekolah ini berdasarkan pengkelasan yang dibuat oleh jabatan pelajaran negeri-negeri berkenaan. Sebelum pemerhatian dan temu bual diadakan, partisipan kajian dimaklumkan terlebih dahulu tentang hak mereka untuk menarik diri daripada menjadi partisipan kajian pada bila-bila masa. Selain itu, prosedur, tujuan dan implikasi temu bual juga diperjelaskan kepada setiap partisipan. Bagi tujuan pelaporan partisipan sekunder diberi gelaran sebagai guru pelatih (GP) diikuti dengan nombor yang melambangkan bilangan guru

pelatih. Mereka diberi gelaran sebagai GP1, GP2, GP3, GP4, GP5, GP6, GP7, GP8, GP9, GP10, GP11, GP12, GP13, GP14, GP15, GP15, GP16, GP17, GP18, GP19, GP20 dan GP21.

3.5 Tatacara Pemerolehan Data

Proses pengumpulan data amat penting dalam penyelidikan kualitatif. Dalam kajian kualitatif, penggunaan pelbagai kaedah pungutan data digunakan bertujuan mencapai tahap pemahaman terhadap partisipan yang lebih baik dan untuk meningkatkan kredibiliti dapatan kajian (Maykut & Morehouse, 1994). Kualiti data temu bual selalunya bergantung kepada perkataan dan perlakuan partisipan. Oleh itu ianya memerlukan kaedah yang membolehkan penyelidik menguasai dan memahami bahasa dan perlakuan partisipan. Sehubungan dengan itu, peranan penyelidik sebagai instrumen kajian adalah penting. Ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Marohaini (2001), yang menyatakan bahawa penyelidik merupakan instrumen kajian utama dan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berhubung dengan manusia di sekelilingnya.

Sebelum kajian dijalankan rangka kerja disediakan terlebih dahulu bagi memandu perjalanan proses pemerolehan data di lokasi kajian. Perkara-perkara utama dalam rangka kerja mengandungi aspek-aspek berikut: (1) mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) untuk menjalankan kajian dalam kalangan pensyarah- penyelia IPG dan di sekolah-sekolah berkenaan (Lampiran C), (2) mengenal pasti IPG yang menawarkan kursus KPLI opsyen bimbingan dan kaunseling, (3) memohon kebenaran dan pencalonan pensyarah-penyelia sebagai partisipan kajian daripada ketua jabatan (Lampiran D), (4)

menghubungi partisipan untuk tujuan pengesahan penerimaan sebagai partisipan kajian dan mengetahui lokasi kajian (Lampiran E), (5) membina senarai semak, (6) membina protokol temu bual (Lampiran F & G), (7) menjalankan kajian rintis, (8) memurnikan protokol temu bual, (9) menetapkan tarikh pemerhatian dan temu bual, (10) menyemak dokumen yang berkaitan iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Praktikum Untuk Pensyarah-penyelia dan Borang Penilaian Praktikum dan Pekeliling Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah, (11) membuat transkripsi dan catatan nota lapangan, (12) mendapat pengesahan peserta kajian, (13) menganalisis data, (14) menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data, dan (15) membuat rumusan dan penulisan penyelidikan.

3.5.1 Pemerhatian dan nota lapangan

Pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian adalah metod utama dalam penyelidikan kualitatif (Othman, 2006). Mengikut Marshall, Catherine dan Rossman (1995), pemerhatian adalah kaedah asas dan amat signifikan dalam penyiasatan kualitatif. Menurut Kidder (1981), pula pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila apabila memenuhi empat kriteria iaitu (1) ia digunakan untuk mencapai tujuan kajian, (2) dirancang dengan rapi, (3) direkod secara sistematik dan (4) diperiksa dan dikawal kesahan dan kebolehpercayaannya. Ia melibatkan pengkaji "*observes the characteristics of an individual unit*" (Cohen & Manion, 1989, hlm. 124). Dalam konteks kajian ini, unit yang dikaji dan dianalisis ialah proses penyeliaan yang berlaku antara pensyarah-penyelia dengan guru pelatih di bawah seliaan masing-masing. Proses penyeliaan berlaku di tiga lokasi iaitu di bilik bimbingan dan kaunseling, di dewan sekolah dan di dalam kelas. Cabaran penyelidik ialah bukan sahaja perlu membuat pemerhatian yang teliti malah memastikan peranan penyelidik tidak menjadi penghalang kepada persekitaran dan peserta kajian.

Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan untuk dua tujuan utama. Pertama, untuk mendapat maklumat atau data mengenai proses pelaksanaan penyeliaan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Ia merupakan satu analisis kerja terhadap tatacara pelaksanaan penyeliaan. Ini selaras dengan tujuan pertama kajian iaitu untuk meneroka proses pelaksanaan penyeliaan praktikum dalam kalangan pensyarah-penyelia GBKSR. Senarai semak digunakan bagi memudahkan dan memberi panduan kepada penyelidik dalam pemerhatian yang dibuat. Senarai semak dibina oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian.

Tujuan kedua pemerhatian adalah untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan tugas penyeliaan praktikum GBKSR. Ini selaras dengan tujuan kajian kedua iaitu untuk memahami bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Pemerhatian di lapangan dijalankan dengan memerhati prosedur atau langkah-langkah yang dilaksanakan dan bentuk amalan partisipan kajian dalam melaksanakan tugas penyeliaan. Pemerhatian terus adalah salah satu cara terbaik untuk mendapatkan maklumat. Mengikut Gillham (2000), pemerhatian mempunyai tiga elemen utama iaitu: (1) memerhati apa yang dilakukan oleh seseorang, (2) mendengar apa yang dikatakan, dan (3) kadang-kadang menyoal untuk penjelasan.

Bagi mendapatkan huraian yang terperinci dan pemahaman mendalam tentang pelaksanaan proses dan bentuk amalan tingkah laku partisipan kajian yang lebih tepat, penyelidik telah membuat catatan nota pemerhatian. Nota ini mencadangkan (1) lokasi temu bual, (2) tingkah laku sebelum, semasa dan selepas temu bual, (3) reaksi emosi dan penampilan wajah, (4) perubahan dalam penampilan verbal dan nada suara dan (5)

bahasa badan semasa menyatakan perasaan ataupun pemikiran. Ini boleh dilihat pada borang nota pemerhatian (Lampiran H).

Mengikut Gillham (2000), pemerhatian dikategorikan kepada dua keadaan iaitu (1) penglibatan menyeluruh, iaitu pemerhatian ikut serta di mana pengkaji melibatkan diri secara bersama, dan (2) pemerhatian tanpa penglibatan atau pemerhatian yang lebih berstruktur, iaitu memerhati daripada luar dengan membuat klasifikasi terhadap pemerhatian. Yin (1994) juga menjelaskan aktiviti pemerhatian boleh berada dalam keadaan formal dan kasual.

Marshall, Catherine dan Rossman (1995) menjelaskan keadaan pemerhatian boleh berlaku dalam keadaan yang sangat berstruktur dan terperinci yang dipandu oleh senarai semak kepada lebih umum, iaitu tidak berstruktur tanpa mempunyai sebarang penetapan awal bidang yang hendak dikaji. Pemerhatian tidak berstruktur biasanya berlaku pada peringkat awal kajian. Mengikut Marshall, Catherine dan Rossman (1995), penyelidik boleh memainkan peranan mengikut serta semasa pemerhatian atau sebagai pemerhati yang tidak terlibat dalam sebarang interaksi sosial atau menyertai dalam lapangan kajian.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik pemerhatian tidak ikut serta di mana penyelidik tidak memainkan sebarang peranan atau fungsi sebagai pensyarah-penyelia praktikum. Ini bagi membolehkan penyelidik “memisahkan” dirinya daripada apa yang berlaku. Hal ini kerana penyelidik ingin memastikan proses pemerhatian yang berlaku semasa sesi penyeliaan dalam bentuk semula jadi atau yang sebenar yang merupakan salah satu ciri utama penyelidikan kualitatif. Oleh itu, penyelidik bukan subjek kepada kajian dan tidak membuat apa-apa keputusan dalam pelaksanaan kajian atau lain-lain perkara yang berkaitan dengan penyeliaan. Namun begitu, penyelidik adalah sebahagian

daripada instrumen kajian (Gillham, 2000), di mana penyelidik berperanan sebagai alat untuk mengumpul data.

Semua pemerhatian yang berkaitan direkodkan dan dicatatkan dalam buku log atau dipanggil nota lapangan (Bryman 2001; Gillham 2000; Patton 1990). Penyelidik membuat catatan terus apabila berlaku sesuatu peristiwa atau bila mana keadaan memerlukan. Menurut Bryman (2001), prinsip umum yang boleh diikuti semasa membuat catatan adalah: menulis dengan ringkas dan cepat sebolehnya selepas melihat atau mendengar sesuatu yang berkaitan; kemudian menulis semula dengan lebih terperinci pada penghujung hari dengan menyatakan lokasi, siapa yang terlibat, apa yang berlaku, masa dan lain-lain yang berkaitan semasa ingatan masih segar; nota mestilah jelas dan boleh difahami; pengkaji perlu tahu bila nota lapangan perlu digunakan.

Penyelidik sentiasa bersama dan mengikuti pergerakan partisipan primer di bilik guru besar, di dalam bilik bimbingan dan kaunseling dan di dalam bilik darjah serta di dewan sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan penyelidik mengikuti sepenuhnya perkembangan yang berlaku antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia. Setiap perbincangan antara partisipan primer dengan guru besar, partisipan sekunder dan taklimat yang disampaikan dirakam sepenuhnya. Demikian juga pengendalian program dan kemahiran-kemahiran bimbingan yang dilaksanakan oleh guru pelatih di dalam bilik darjah semuanya dirakam oleh penyelidik. Di samping itu penyelidik juga menyediakan borang catatan nota lapangan lanjutan, yang digunakan sepanjang proses pemerhatian (Lampiran I)

3.5.2 Temu bual

Kebiasaanya temu bual secara mendalam digunakan dalam kajian kes untuk mengumpul data-data yang relevan daripada partisipan kajian mengenai topik kajian yang dijalankan. Mengenai tujuan temu bual, Patton (1990, hlm. 196), menjelaskan bahawa penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam pemikiran seseorang. Dalam hal ini beliau menjelaskan seperti berikut :

“We interview people to find out from them those things we cannot directly observe... We cannot observe feelings, thought and intentions. We cannot observe behaviors that took place at some previous point in time. We cannot observe situations that preclude the presence of an observer. We cannot observe how people have organized the world and the meaning they attach to whats goes on in the world. We have to ask people questions about those things. The purpose of interviewing, then, is to allow us to enter into the other person perspective.”

Temu bual yang dijalankan bersama partisipan kajian memberikan penyelidik pengesahan dan penjelasan tentang apa yang difikirkan berlaku untuk mencapai kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa yang dialami oleh partisipan kajian (Cummins, 2009). Seterusnya temu bual juga membantu penyelidik melihat situasi mengikut pandangan peserta kajian (Sherman & Webb, 2001).

Pengendalian temu bual dijalankan dalam beberapa fasa. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk mengendalikan temu bual dalam dua fasa. Fasa pertama adalah perbualan umum berkaitan dengan tugas-tugas pensyarah-penyelia dan hal-hal yang berkaitan dengan penyeliaan praktikum. Walau bagaimanapun perbualan umum ini ada kaitan dengan soalan-soalan penyelidikan.

Manakala dalam fasa kedua soalan-soalan yang dikemukakan lebih berfokus kepada soalan utama penyelidikan. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat

sebanyak mungkin mengenai proses penyeliaan dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Maklumat yang diperoleh daripada sumber temu bual mengukuhkan lagi maklumat yang diperoleh daripada sumber pemerhatian. Bagi memastikan segala butiran di dalam temu bual tidak tercicir, penyelidik telah merakamkan keseluruhan temu bual tersebut. Rakaman dibuat dengan menggunakan dua alat perakam iaitu perakam Audio MP3 dan radio perakam. Penyelidik sengaja menggunakan dua jenis alat perakam. Tujuannya ialah bagi memastikan proses rakaman berjalan dengan lancar seandainya satu daripadanya mengalami masalah. Walau bagaimanapun sepanjang proses mengutip data penyelidik tidak menghadapi masalah dalam aspek membuat rakaman. Jadual 3.6 menunjukkan tarikh pemerhatian dan temu bual serta pengesahan transkripsi dan nota lapangan.

Jadual 3.6

Tarikh Pemerhatian dan Temu bual serta Pengesahan Transkripsi dan Nota Lapangan

Partisipan	Pemerhatian Dan Temu bual			Tarikh Pengesahan		
	1	2	3	1	2	3
A	20 Jan 2011	17 Feb. 2011	31 Mac 2011	27 Jan 2011	24 Feb 2011	4 April 2011
B	21 Jan. 2011	18 Feb 2011	1 Mac 2011	27 Jan 2011	25 Feb 2011	8 Mac 2011
C	25 Jan 2011	22 Feb 2011	10 April 2011	8 Mac 2011	28 Feb 2011	18 April 2011
D	28 Jan. 2011	4 Mac 2011	1 April 2011	4 Feb 2011	10 Mac 2011	8 April 2011
E	28 Jan. 2011	4 Mac 2011	8 April 2011	5 Feb 2011	12 Mac 2011	16 April 2011
F	8 Feb. 2011	11 Mac 2011	11 April 2011	15 Feb. 2011	16 Mac 2011	18 April 2011
G	8 Feb. 2011	11 Mac 2011	11 April 2011	16 Feb 2011	16 Mac 2011	18 April 2011

Temu bual Partisipan Primer

Temu bual dengan setiap partisipan primer diadakan sebanyak tiga kali, iaitu setiap kali selepas partisipan melaksanakan proses penyeliaan. Soalan-soalan yang ditanya selari dengan maklumat yang diperoleh penyelidik semasa mengadakan pemerhatian. Fungsi temu bual ini adalah untuk mengukuhkan apa yang diperoleh daripada pemerhatian. Setiap kali temu bual mengambil masa selama 45 hingga 60 minit dan dikendalikan secara perseorangan. Temu bual dijalankan secara separa struktur iaitu penyelidik menentukan soalan lebih awal dan dikembangkan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh partisipan berasaskan soalan-soalan kajian iaitu bagaimanakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR dan apakah bentuk amalan pensyarah- penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR. Temu bual dirakam dengan kebenaran peserta kajian menggunakan MP3 dan radio perakam.

Temu bual pertama melalui empat langkah manakala temu bual kedua dan ketiga melalui tiga langkah sahaja. Temu bual kedua dan ketiga tidak melalui langkah pertama kerana pengkaji telah membina hubungan dengan peserta kajian pada peringkat pertama. Hubungan yang dibina antara penyelidik dengan partisipan kajian peringkat pertama sudah cukup untuk menjadi asas temu bual pada peringkat kedua dan ketiga. Temu bual dengan partisipan primer diadakan secara bersemuka dengan tujuh partisipan di tujuh lokasi berbeza. Temu bual dengan pensyarah-penyelia diadakan di bilik kaunseling sekolah yang menjadi lokasi praktikum.

Untuk mengadakan pertemuan dengan partisipan kajian, penyelidik menghubungi setiap partisipan kajian menggunakan telefon untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan dengan nama sekolah tempat penyeliaan, nama guru pelatih dan tarikh

pensyarah-penyelia dijangka menjalankan proses penyeliaan. Seterusnya penyelidik berbincang dengan pensyarah-penyelia tentang tarikh, masa dan tempat yang sesuai untuk mengadakan pemerhatian dan temu bual, akhirnya mengadakan temu bual mengikut tarikh dan tempat yang dipersetujui bersama. Data yang dikutip daripada pensyarah-penyelia dikenali sebagai sumber data primer.

Temu bual Partisipan Sekunder

Temu bual yang diadakan bersama partisipan sekunder berperanan sebagai pelengkap kepada maklumat yang diperoleh daripada temu bual dengan partisipan pertama. Temu bual ini diadakan secara berkumpulan iaitu sejourus guru pelatih melalui penyeliaan peringkat ketiga. Sebanyak tujuh kumpulan temu bual terlibat dalam kajian ini. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga orang guru pelatih yang diselia oleh seorang pensyarah-penyelia praktikum. Bagi melincinkan perjalanan temu bual, ianya dilaksanakan melalui empat peringkat.

Pertama adalah pengenalan. Pada peringkat ini penyelidik bertanyakan soalan-soalan berbentuk membina hubungan dengan partisipan. Ini bagi mewujudkan kepercayaan dalam kalangan partisipan. Bahagian ini penting sebagai asas untuk temu bual pada bahagian berikutnya. Peringkat kedua temu bual lebih berfokus kepada soalan kajian. Pada peringkat ini penyelidik mengemukakan soalan bagi tujuan mengesahkan dapatan yang diperoleh daripada sumber primer. Temu bual bersama sumber sekunder lebih bersifat semakan silang iaitu mendapatkan pengesahan maklumat tentang apa yang diperoleh daripada temu bual bersama sumber primer. Manakala peringkat seterusnya memberi fokus kepada kesimpulan dan penutup. Lampiran G adalah protokol temu bual

bersama partisipan sekunder. Semua soalan yang ditanya kepada partisipan sekunder bertujuan untuk mengukuhkan dapatan yang diperolehi daripada sumber primer.

Selain dari merujuk kepada protokol temu bual, penyelidik sentiasa memikirkan soalan-soalan lain yang dapat memberi maklumat kepada persoalan kajian iaitu tentang proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Penyelidik sentiasa membuat catatan ringkas pada ruangan yang disediakan. Catatan ini dibuat berdasarkan maklumat-maklumat tertentu yang diperlukan ataupun hasil daripada wujudnya keadaan yang kurang jelas dalam temu bual tersebut.

Beberapa peringatan diberi oleh Spencer dan Spencer (1993) kepada mereka yang mengadakan temu bual; setiap temu bual perlulah dijalankan di tempat sesuai di lokasi kajian tanpa gangguan seperti panggilan telefon atau ada orang lain bersama. Bagi memenuhi tujuan tersebut temu bual telah dijalankan di bilik kaunseling setelah mendapat persetujuan partisipan kajian.

3.5.3 Dokumen

Dalam kajian ini, penyelidik meneliti beberapa jenis dokumen. Untuk memudahkan pengenalan jenis dokumen, penyelidik telah mengkategorikan dokumen kepada dua jenis iaitu dokumen rasmi dan tidak rasmi. Dokumen rasmi ialah dokumen yang dikeluarkan oleh KPM, IPGM atau IPG kampus. Dokumen rasmi dalam kajian ini ialah (1) garis panduan praktikum latihan perguruan praperkhidmatan, (2) pekeliling pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah, (3) sukatan kursus bimbingan dan kaunseling bagi opsyen bimbingan dan kaunseling sekolah

rendah, (4) borang PR1/BK, (5) borang PR2/BK, (6) senarai tugas GBKSR yang dikeluarkan oleh KPM dan (7) buku rekod aktiviti guru pelatih.

Manakala dokumen tidak rasmi pula seperti (1) jurnal guru pelatih (2) bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan bahan edaran kepada para pelajar, (3) perancangan praktikum yang dibuat oleh guru pelatih (4) nota lapangan (5) pamflet atau brosur yang dihasilkan oleh guru-guru pelatih untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing, dan (6) kertas kerja program yang dihasilkan oleh guru pelatih. Borang analisis dokumen digunakan untuk merekod semua dokumen.

3.5.4 Kajian rintis

Mengikut Leedy dan Ormrod (2001), kajian rintis adalah cara terbaik untuk menentukan kajian yang dijalankan dapat disempurnakan kerana ianya dapat membantu menyelesaikan masalah sebelum kajian sebenar dijalankan. Ini kerana hasil daripada kajian rintis, penyelidik menimba pengalaman yang berguna dalam situasi sebenar.

Menurut Merriam (2001), kajian rintis membantu penyelidik untuk mendapat latihan temu bual. Seterusnya penyelidik dapat mengenal pasti kesesuaian soalan yang ditanya kepada partisipan. Ini membolehkan proses penambahbaikan dibuat terhadap aspek-aspek tertentu dalam protokol temu bual.

Satu kajian rintis dijalankan untuk menguji reka bentuk kajian dan soalan-soalan dalam protokol temu bual. Pemerhatian dan temu bual telah dijalankan bersama dua partisipan primer dan dua partisipan sekunder dan melibatkan sebuah sekolah di kawasan bandar

dan sebuah lagi di kawasan luar bandar. Temu bual diadakan selepas penyeliaan peringkat pertama, kedua dan ketiga. Ini bermakna berlaku tiga kali temu bual dengan setiap partisipan primer. Manakala temu bual dengan partisipan sekunder diadakan sekali sahaja iaitu selepas mereka diselia pada peringkat ketiga. Temu bual partisipan sekunder diadakan secara berkumpulan. Semua temu bual dirakam dengan menggunakan alat perakam audio MP3 dan radio perakam dan dibuat transkripsi bagi mendapatkan tema dan kategori.

Pemerhatian dilakukan ke atas dua partisipan primer dan dua partisipan sekunder. Melalui pemerhatian, penyelidik melihat proses dan amalan penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR dalam situasi sebenar. Pemerhatian yang dijalankan bertujuan untuk mendapat latihan dan persiapan diri penyelidik sebelum melaksanakan kajian sebenar. Selain itu ianya dapat membantu meningkatkan kemahiran melaksanakan pemerhatian termasuk latihan membuat nota lapangan.

Pemerhatian dilakukan selepas memaklumkan terlebih awal kepada partisipan primer dan sekunder. Penyelidik sampai lewat di lokasi praktikum. Kesannya penyelidik tidak mempunyai masa cukup untuk berbincang tentang senario pemerhatian bersama partisipan primer. Sedangkan pada masa tersebut klien kepada partisipan primer sedang menunggu. Selain itu, klien kepada partisipan sekunder tidak dimaklumkan. Hal ini telah menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan klien. Oleh itu, kedua-dua aspek ini menimbulkan gangguan terhadap proses kutipan data. Sehubungan itu, tindakan susulan dilakukan hasil daripada kajian rintis iaitu: (1) membekalkan maklumat secukupnya kepada partisipan tentang objektif dan kaedah yang digunakan dalam pemerhatian proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR, (2) penyelidik hadir lebih awal di lokasi praktikum bersama dengan partisipan primer, dan (3) meminta

partisipan sekunder memaklum lebih awal kepada klien tentang tujuan kedatangan penyelidik dalam sesi kaunseling yang dijalankan.

Walaupun tidak wujud perubahan dalam konteks reka bentuk kajian dan soalan-soalan yang ditanya, namun soalan-soalan tambahan yang berbentuk soalan mencungkil perlu diadakan. Ini kerana temu bual dengan partisipan primer menunjukkan perolehan maklumat yang terhad daripada mereka. Oleh itu untuk memperluaskan potensi bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, satu penambahbaikan dan penyesuaian telah dibuat dalam teknik temu bual. Untuk itu soalan-soalan mencungkil yang lebih mendalam dilakukan. Selain itu kadar temu bual diperlahankan seterusnya aspek kemahiran mendengar penyelidik ditingkatkan.

3.6 Prosedur Penganalisan Data

Menganalisis data kualitatif merupakan suatu proses yang berterusan. Ianya bermula sebaik sahaja kutipan data pertama bermula. Dalam melakukan proses menganalisis data penyelidik merancang dan mengurus data melalui tiga langkah iaitu; mengurus data, memahami data dan menganalisis data.

Langkah 1: Mengurus data

Perancangan dan pengurusan dijalankan melalui beberapa fasa. Berikut dijelaskan secara terperinci fasa-fasa dalam proses pengurusan data. Fasa pertama adalah proses penyaringan data di mana langkah dimulai dengan membuat transkripsi dari rakaman kepada verbatim semua partisipan kajian. Proses penyalinan transkrip ini memerlukan pemerhatian yang penuh seseorang penyelidik dan mengambil masa yang lama. Dalam

meiapkan proses penyalinan transkrip ini penyelidik menggunakan perkhidmatan dua orang tenaga untuk membantu dengan sedikit bayaran imbuhan.

Data Temu bual

Sebaik sahaja proses penyalinan selesai, setiap transkrip yang lengkap dibentukkan indeks. Proses mengindeks transkrip dilakukan dengan melabelkan satu kod tersendiri kepada setiap partisipan kajian. Penetapan kod-kod bagi setiap transkrip dan setiap segmen di dalam transkrip adalah penting bagi memudahkan proses mendapatkan semula data asal dan memudahkan penyelidik membuat rujukan silang ketika menulis dan menyiapkan laporan.

Penetapan kod indeks transkrip bagi kajian ini adalah seperti berikut: RA(1)I-20/1(). RA adalah partisipan pertama, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada temu bual, 20/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 20 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RA(2)I-17/2(). RA adalah partisipan pertama, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada temu bual, 17/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 17 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RA(3)I-31/3(). RA adalah partisipan pertama, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada temu bual, 31/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 31 Mac. RB(1)I-21/1(). RB adalah partisipan kedua, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 21/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 21 Januari. RB(2)I-18/2(). RB adalah partisipan kedua, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 18/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 18 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RB(3)I-1/3(). RB adalah partisipan kedua, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 1/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 1 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RC(1)I-25/1(). RC adalah partisipan ketiga, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 25/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 25 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RC(2)I- 22/2(). RC adalah partisipan ketiga, (2) merujuk kepada temu bual kedua , I merujuk kepada data temu bual, 22/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 22 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RC(3)I-10/4(). RC adalah partisipan ketiga, (C) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 10/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 10 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RD(1)I-28/1(). RD adalah partisipan keempat, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RD(2)I-4/3(). RD adalah partisipan keempat, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada temu bual, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 4 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RD(3)I-1/4().

RD adalah partisipan keempat, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 1/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 1 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RE(1)I-28/1(). RE adalah partisipan kelima, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RE(2)I-4/3(). RE adalah partisipan kelima, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RE(3)I-8/4(). RE adalah partisipan kelima, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 8/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RF(1)I-8/2 (). RF adalah partisipan keenam, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 8/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RF(2)I-11/3(). RF adalah partisipan keenam, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RF(3)I-11/4 (). RF adalah partisipan keenam, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RG(1)I- 8/2 (). RG adalah partisipan ketujuh, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 8/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. RG(2)I-11/3 (). RG adalah partisipan ketujuh, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

RG(3)I- 11/4 (). RG adalah partisipan ketujuh, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil. Jadual 3.7 menunjukkan indeks kod bagi data temu bual.

Jadual 3.7

Indeks Kod Data Temu bual

Bil	Kod	Keterangan
1	RA(1)I-20/1()	RA adalah partisipan pertama, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada temu bual, 20/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 20 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
2	RA(2)I-17/2()	RA adalah partisipan pertama, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada temu bual, 17/2 merujuk kepada diadakan temu bual iaitu pada 17 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
3	RA(3)I-31/3()	RA adalah partisipan pertama, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada temu bual, 31/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 31 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
4	RB(1)I-21/1()	RB adalah partisipan kedua, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 21/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 21 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
5	RB(2)I-18/2()	RB adalah partisipan kedua, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 18/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 18 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
6	RB(3)I-1/3()	RB adalah partisipan kedua, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 1/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 1 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
7	RC(1)I-25/1()	RC adalah partisipan ketiga, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 25/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 25 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
8	RC(2)I- 22/2()	RC adalah partisipan ketiga, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 22/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 22 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
9	RC(3)I-10/4()	RC adalah partisipan ketiga, (C) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 10/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 10 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
10	RD(1)I-28/1()	RD adalah partisipan keempat, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
11	RD(2)I-4/3()	RD adalah partisipan keempat, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada temu bual, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
12	RD(3)I-1/4()	RD adalah partisipan keempat, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 1/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 1 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
13	RE(1)I-28/1()	RE adalah partisipan kelima, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
14	RE(2)I-4/3()	RE adalah partisipan kelima, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
15	RE(3)I-8/4()	RE adalah partisipan kelima, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 8/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
16	RF(1)I-8/2()	RF adalah partisipan keenam, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 8/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
17	RF(2)I-11/3()	RF adalah partisipan keenam, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
18	RF(3)I-11/4()	RF adalah partisipan keenam, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
19	RG(1)I-8/2()	RG adalah partisipan ketujuh, (1) merujuk kepada temu bual pertama, I merujuk kepada data temu bual, 8/2 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
20	RG(2)I-11/3()	RG adalah partisipan ketujuh, (2) merujuk kepada temu bual kedua, I merujuk kepada data temu bual, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.
21	RG(3)I-11/4()	RG adalah partisipan ketujuh, (3) merujuk kepada temu bual ketiga, I merujuk kepada data temu bual, 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan temu bual iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada bilangan baris di mana petikan diambil.

Data pemerhatian

Sebagaimana dijelaskan bahawa data juga diperoleh dari sumber pemerhatian. Data daripada sumber pemerhatian ditaip semula dan diberi indeks dengan menggunakan kod tertentu dan dikenali sebagai catatan pemerhatian. Kod bagi data daripada sumber pemerhatian adalah seperti berikut: RA(1)O-20/1(). Kod ini merujuk kepada RA adalah partisipan pertama, (1) pemerhatian pertama, O merujuk kepada pemerhatian, 20/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 20 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut. RA(2)O-17/2() Kod ini merujuk kepada RA adalah partisipan pertama, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O adalah sumber daripada data pemerhatian, 20/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 20 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut, RA(3)O-31/3() Kod ini merujuk kepada RA adalah partisipan pertama, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada pemerhatian dan 31/3 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 31 Januari dan () perenggan tertentu dalam catatan tersebut.

RB(1)O-21/1() Kod ini merujuk kepada RB adalah partisipan kedua, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada pemerhatian dan 21/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 21 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut, RB(2)O-18/2() Kod ini merujuk kepada RB adalah partisipan kedua, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian dan 18/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 18 Februari dan () merujuk perenggan catatan diambil. RB(3)O-1/3() Kod ini merujuk kepada RB adalah partisipan kedua, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk

kepada data pemerhatian dan 1/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dibuat iaitu 1 Mac dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut.

RC(1)O-25/1() Kod ini merujuk kepada RC adalah partisipan ketiga, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 25/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 25/1 dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RC(2)O- 22/2 () Kod ini merujuk kepada RC adalah partisipan ketiga, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua O merujuk kepada data pemerhatian, 22/2 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 22 Februari dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RC(3)O-10/4() Kod ini merujuk kepada RC adalah partisipan ketiga, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 10/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 10 April dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut.

RD(1)O-28/1() Kod ini merujuk kepada RD adalah partisipan keempat, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut, RD(2)O-4/3() Kod ini merujuk kepada RD adalah partisipan keempat, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian dan () merujuk kepada perenggan di mana maklumat diambil.

RD(3)O-1/4() Kod ini merujuk kepada RD adalah partisipan keempat, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 1/4 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 1 April dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RE(1)O-28/1() Kod ini merujuk kepada RE adalah partisipan

kelima, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 28/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada perenggan perenggan dalam catatan tersebut.

RE(2)O-4/3(). RE adalah partisipan kelima, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 4/3 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RE(3)O-25/1() Kod ini merujuk kepada RE adalah partisipan kelima, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada pemerhatian, 25/1 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 25 Januari dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut.

RF(1)O-8/2(). RF adalah partisipan keenam,(1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada pemerhatian, 8/2 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut, RF(2)O-11/3(). RF adalah partisipan keenam, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada pemerhatian, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RF(3)O-11/4 () Kod ini merujuk kepada RF adalah partisipan keenam , (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian , 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. Jadual 3.8 menunjukkan indeks kod data pemerhatian.

Jadual 3.8

Indeks Kod Data Pemerhatian

Bil	Kod	Keterangan
1	RA(1)O-20/1()	RA adalah partisipan pertama, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada pemerhatian, 20/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 20 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
2	RA(2)O-17/2()	RA adalah partisipan pertama, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, I merujuk kepada pemerhatian, 17/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 17 Februari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
3	RA(3)O-31/3()	RA adalah partisipan pertama, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, I merujuk kepada pemerhatian, 31/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 31 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
4	RB(1)O-21/1()	RB adalah partisipan kedua, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 21/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 21 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
5	RB(2)O-18/2()	RB adalah partisipan kedua, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 18/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 18/2 dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
6	RB(3)O-1/3()	RB adalah partisipan kedua, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 1/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan 1 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
7	RC(1)O-25/1()	RC adalah partisipan ketiga, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 25/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 25 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
8	RC(2)O- 22/2()	RC adalah partisipan ketiga, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 22/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 22 Februari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
9	RC(3)O-10/4()	RC adalah partisipan ketiga, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 10/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dilakukan iaitu pada 10 April dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
10	RD(1)O-28/1()	RD adalah partisipan keempat, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 28/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 28 Januari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
11	RD(2)O-4/3()	RD adalah partisipan keempat, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada pemerhatian, 4/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
12	RD(3)O-1/4()	RD adalah partisipan keempat, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 1/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 1 April dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
13	RE(1)O-28/1()	RE adalah partisipan kelima, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 28/1 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 28 Jan dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
14	RE(2)O-4/3()	RE adalah partisipan kelima, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 4/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 4 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
15	RE(3)O-8/4()	RE adalah partisipan kelima, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 8/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 8 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
16	RF(1)O-8/2()	RF adalah partisipan keenam, (1) merujuk kepada temu bual pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 8/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
17	RF(2)O-11/3()	RF adalah partisipan keenam, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 11/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
18	RF(3)O-11/4()	RF adalah partisipan keenam, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 11/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
19	RG(1)O- 8/2()	RG adalah partisipan ketujuh, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 8/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
20	RG(2)O-11/3()	RG adalah partisipan ketujuh, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada data pemerhatian, 11/3 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.
21	RG(3)O- 11/4()	RG adalah partisipan ketujuh, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 11/4 merujuk kepada tarikh pemerhatian dijalankan iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada perenggan tertentu dalam catatan tersebut.

Merujuk kepada Jadual 3.9, RG(1)O-8/2(), Kod ini merujuk kepada RG adalah partisipan ketujuh, (1) merujuk kepada pemerhatian pertama, O merujuk kepada data pemerhatian, 8/2 merujuk kepada tarikh pemerhatian iaitu pada 8 Februari dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RG(2)O-11/3(). RG adalah partisipan ketujuh, (2) merujuk kepada pemerhatian kedua, O merujuk kepada pemerhatian, 11/3 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 11 Mac dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut. RG(3)O-11/4() Kod ini merujuk kepada RG adalah partisipan ketujuh, (3) merujuk kepada pemerhatian ketiga, O merujuk kepada data pemerhatian, 11/4 merujuk kepada tarikh diadakan pemerhatian iaitu pada 11 April dan () merujuk kepada perenggan dalam catatan tersebut.

Catatan Pemerhatian Dan Catatan Lapangan

Demikian juga proses mengindeks catatan lapangan, dilakukan sama seperti pada data temu bual. Catatan pemerhatian dan catatan lapangan diberi kod sebagai dokumen tidak rasmi atau DTR04.

Kod dokumen

Penyelidik membuat pengekodan pada sumber dokumen. Untuk tujuan ini penyelidik telah membahagikan dokumen kepada dua jenis iaitu dokumen rasmi dan dokumen tidak rasmi. Dokumen rasmi sebanyak tujuh jenis iaitu, (1) garis panduan praktikum latihan perguruan praperkhidmatan, (2) pekeliling pelaksanaan perkhidmatan B&K GBKSR, (3) sukatan pelajaran bimbingan dan kaunseling KPLI sekolah rendah, (4) borang PR1/BK, (5) borang PR2/BK, (6) senarai tugas GBKSR dan (7) buku rekod

aktiviti guru pelatih. Dokumen-dokumen tersebut dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan tugas yang sepatut dijalankan pensyarah-penyelia.

Manakala dokumen tidak rasmi pula seperti (1) jurnal guru pelatih, (2) bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan bahan edaran kepada para pelajar, (3) perancangan praktikum yang dibuat oleh guru pelatih, (4) nota lapangan (5) pamflet atau brosur yang dibuat oleh guru-guru pelatih untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing dan (6) kertas kerja program yang dihasilkan oleh guru pelatih.

Dalam menganalisis data daripada sumber dokumen, penyelidik menaip semua catatan lapangan yang ditulis. Pada masa sama, penyelidik mengindeksnya dengan memberi kod tertentu. Kod-kod diberikan berdasarkan dua kategori dokumen iaitu dokumen rasmi dan tidak rasmi. Jadual 3.9 menunjukkan indeks kod bagi dokumen rasmi

Jadual 3.9

Indeks Kod Bagi Dokumen Rasmi

Bil	Kod	Keterangan	Keluaran
1	DR01	Garis Panduan Praktikum Untuk Pensyarah-penyelia	BPG
2	DR02	Pekeliling perkhidmatan B&K GBKSR	KPM
3	DR03	Sukatan pelajaran bimbingan dan kaunseling	KPM
4	DR04	Borang PR1/BK	IPG
5	DR05	Borang PR2/BK	IPG
6	DR06	Senarai tugas GBKSR	KPM
7	DR07	Buku rekod aktiviti guru pelatih	IPG

Bagi dokumen rasmi kodnya ialah DR01-(), DR02-(), DR03-(), DR04-(), DR05-(), DR06-() dan DR07-(). DR merujuk kepada dokumen rasmi, 01 merujuk kepada bilangan dokumen dan () merujuk kepada tarikh dokumen tersebut diperoleh.

Manakala bagi dokumen tidak rasmi diberi pengekodan seperti berikut: DTR01-(), iaitu DTR merujuk kepada dokumen tidak rasmi, “01” merujuk kepada dokumen kedua dalam kategori dokumen tidak rasmi dan () merujuk kepada tarikh dan bulan dokumen tertentu diperoleh. Jadual 3.10 indeks kod bagi dokumen tak rasmi

Jadual 3.10

Indeks Kod bagi Dokumen Tak Rasmi

Bil	Kod	Keterangan
1	DTR01	Jurnal guru pelatih
2	DTR02	Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan bahan edaran kepada para pelajar,
3	DTR03	Perancangan praktikum yang dibuat oleh guru pelatih
4	DTR04	Catatan pemerhatian dan catatan lapangan
5	DTR05	Pamflet atau brosur yang dibuat oleh guru-guru pelatih untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing
6	DTR06	Kertas kerja program yang dihasilkan oleh guru pelatih.

Langkah 2: Proses memahami data

Pada tahap ini penyelidik cuba memahami data yang telah dikumpul dan dikodkan. Dalam proses memahami data, beberapa persoalan ditimbulkan dalam benak pemikiran penyelidik. Persoalan-persoalan yang bermain di fikiran penyelidik seperti “Apakah yang dapat penyelidik tafsirkan hasil daripada data yang diperoleh? ” dan

“bagaimanakah data yang diperoleh membantu menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan? ” Langkah pertama penyelidik dalam proses menganalisis data ialah membaca transkrip beberapa kali. Semasa membaca setiap perenggan dalam transkrip tersebut dalam masa sama minda difokus pada soalan-soalan kajian. Seterusnya penyelidik meneliti secara serius setiap unit dalam perenggan demi perenggan, ayat demi ayat dan dalam masa yang sama penyelidik mencari perenggan yang boleh dikaitkan dengan soalan-soalan kajian. Seterusnya bahagian atau ayat-ayat atau perenggan yang berkaitan dengan soalan kajian tadi ditanda, diberi nombor dan membentuk kategori berasaskan soalan-soalan kajian.

Pemikiran penyelidik sentiasa berkisar dalam kerangka konseptual kajian berhubung dengan proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Semasa meneliti transkrip temu bual, penyelidik cuba memahami data dan memberi makna atau kefahaman terhadap data tersebut. Seterusnya penyelidik cuba memikirkan tentang data-data yang diperoleh untuk membentuk ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR. Setelah data dianalisis, penyelidik memaparkan kronologi dalam proses penyeliaan bersama dengan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Dapatan ini membantu penyelidik untuk merangka hasil matriks penyeliaan praktikum GBKSR. Pernyataan ini boleh dijadikan panduan untuk menjalankan kerja-kerja penyeliaan praktikum GBKSR. Walau bagaimanapun, sebelum laporan dibentangkan, partisipan diminta untuk memberi persetujuan berpengetahuan bagi membolehkan data yang diperoleh daripada kajian ini digunakan bagi langkah berikutnya dan untuk tujuan laporan.

Langkah 3: Analisis data

3.6.1 Analisis data pemerhatian dan data nota lapangan

Pemerhatian yang dicatat di dalam nota lapangan dianalisis secara terperinci. Frasa-frasa dan isu yang kerap diulang dan menonjol dikenal pasti dan dipadankan dengan soalan-soalan kajian. Pengekodan dibuat bersebelahan transkripsi bagi membentuk tema dan pola.

Jadual 3.11 menunjukkan proses pengumpulan dan penganalisan serta pelaporan data pemerhatian.

Jadual 3.11

Proses Pengumpulan dan Penganalisan Serta Pelaporan Data Pemerhatian

Peringkat	Aliran
I	Pemerhatian <ul style="list-style-type: none">▪ Partisipan kajian (pensyarah-penyelia & Guru pelatih)▪ Tempat kajian▪ Aktiviti (proses dan amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR)
II	Catatan Pemerhatian dan refleksi <ul style="list-style-type: none">▪ Tugas yang dilaksanakan▪ Bagaimana pensyarah-penyelia menjalankan tugas penyeliaan praktikum GBKSR▪ Apakah amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR▪ Membuat refleksi▪ Senarai semak
III	Menulis Catatan Pemerhatian <ul style="list-style-type: none">▪ Senarai semak▪ Label kod terbuka,▪ Susun tema dan sub tema
IV	Analisis Data <ul style="list-style-type: none">▪ Berasaskan tema, subtema, kategori, subkategori, elemen dan sub-elemen
V	Rumusan dan Laporan

3.6.2 Analisis data temu bual

Analisis data temu bual bermula sebaik sahaja proses temu bual pertama dijalankan. Untuk menjalankan temu bual dengan partisipan primer, penyelidik mengadakan pertemuan secara bersemuka dengan semua tujuh orang pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di tujuh buah sekolah. Setiap temu bual dirakam. Data yang diperolehi daripada rakaman audio ditranskripsikan dalam bentuk verbatim. Hal ini menyenangkan penyelidik membuat analisis selanjutnya. Ini selaras dengan pandangan Merriam (2001) yang menyatakan bahawa transkripsi yang dibuat secara verbatim merupakan pengkalan data terbaik untuk dianalisis. Transkripsi data temu bual yang telah siap dihantar kepada partisipan untuk dibuat semakan. Ini bagi memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Untuk itu penyelidik telah menghantar setiap transkripsi kepada partisipan untuk tujuan semakan, pembetulan dan pengesahan. Transkripsi tersebut dihantar melalui e-mel. Selepas diterima oleh partisipan, transkripsi disemak semula dan dibetulkan mana-mana bahagian yang kurang tepat lalu partisipan terus menghantar kembali kepada penyelidik. Selain melalui e-mel, partisipan juga dihubungi melalui telefon bagi mengesahkan perkara-perkara tertentu yang boleh disahkan melalui percakapan.

Langkah pertama yang diambil ialah membaca transkripsi data temu bual baris demi baris secara berulang kali. Satu ayat yang ditranskripsi dipanggil satu unit. Langkah kedua penyelidik membaca dan memerhati secara teliti tiap-tiap unit bagi mengenal pasti unit-unit yang boleh menggambarkan tema yang wujud. Langkah ketiga ialah proses menghasilkan tema. Dalam menganalisis data kajian ini, penyelidik menggunakan cara yang dicadangkan oleh Yin (1994) iaitu melakukan pepadanan pola (*patterns matching*). Penyelidik menggunakan model SAS yang diubahsuai sebagai

kerangka teoritikal kajian sabagai asas yang dirujuk sepanjang melaksanakan proses pembinaan atau pepadanan pola tentang fenomena yang dikaji. Dapatan-dapatan kajian dibandingkan dengan dua komponen utama dalam Model SAS iaitu tugas dan fungsi penyelia praktikum. Daripada analisis ini terhasilah tema-tema atau kategori yang sepadan dengan komponen yang terdapat dalam Model SAS dan komponen-komponen tambahan yang diperolahi daripada data.

Setiap unit yang ditranskripsi dikelompokkan di bawah tema, subtema atau kategori tertentu dengan menggunakan kod-kod yang khusus. Gerak kerja ini dilakukan secara manual berdasarkan prosedur program Nvivo. Proses membaca transkripsi dan memindahkan ke bawah tema-tema tertentu diulang sehingga semua unit yang memberi makna habis dikelompokkan. Unit-unit yang tidak memberi makna disingkirkan. Proses ini dilakukan untuk semua partisipan kajian. Semakan yang berulang-ulang dibuat bagi memastikan setiap unit betul-betul menggambarkan tema atau sub-tema yang ditentukan.

Bagi unit yang tidak dapat ditempatkan di mana-mana tema, penyelidik perlu memikirkan tema yang sesuai dan keadaan ini mengikut Spencer dan Spencer (1993) merupakan keadaan yang paling mencabar kepada penyelidik. Oleh itu, bagi memudahkan menentukan tema, penyelidik sentiasa merujuk kepada teori-teori berhubung dengan kajian. Perkaitan antara tema, subtema dan kategori-kategori dibuat bagi menggambarkan wujudnya interaksi antara maklumat yang diperoleh. Hasilnya wujud suatu pola tentang proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR.

Langkah terakhir ialah membuat rumusan dan menulis laporan. Dapatan yang diperoleh dihantar kepada para partisipan untuk semakan dan pengesahan.

3.6.3 Analisis data dokumen

Dalam kajian ini pengkaji meneliti beberapa jenis dokumen. Dokumen dibahagi kepada dua kategori iaitu dokumen rasmi dan tidak rasmi. Dokumen rasmi ialah: (1) garis panduan praktikum latihan perguruan pra-praktikum, (2) pekeliling perkhidmatan B&K sekolah rendah, (3) sukatan pelajaran B&K KPLI, (4) borang PR1/BK, (5) borang PR2/BK, (6) senarai tugas GBKSR yang dikeluarkan oleh KPM dan (7) buku rekod aktiviti guru pelatih. Dokumen-dokumen tersebut dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkenaan tugas yang sepatut dijalankan pensyarah-penyelia. Seterusnya melihat pengalaman guru pelatih dalam proses penyeliaan praktikum GBKSR.

Manakala dokumen tidak rasmi pula seperti (1) jurnal guru pelatih, (2) bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan bahan edaran kepada para pelajar, (3) perancangan praktikum yang dibuat oleh guru pelatih, (4) nota lapangan, (5) pamflet atau brosur yang dibuat oleh guru-guru pelatih untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing, dan (6) kertas kerja program yang dihasilkan oleh guru pelatih.

Dalam menganalisis data daripada sumber dokumen, penyelidik menaip semua catatan yang ditulis dalam catatan lapangan. Pada masa sama, penyelidik mengindeksnya dengan memberi kod tertentu. Kod-kod diberikan berdasarkan dua kategori dokumen iaitu dokumen rasmi dan tidak rasmi. Bagi dokumen rasmi kodnya ialah DR01-(), DR02-(), DR03-(), DR04-(), DR05-(), DR06 () dan DR07 (). DR merujuk kepada dokumen rasmi, 01 merujuk kepada bilangan dokumen dan () merujuk kepada tarikh dokumen tersebut diperoleh penyelidik. Bagi dokumen tidak rasmi, penyelidik

mengindeksnya seperti berikut: DTR01-(), DTR02(), DTR03(), DTR04(), DTR05() dan DTR06(). DTR merujuk kepada dokumen tidak rasmi, 01 bilangan dokumen dan () merujuk kepada tarikh dokumen tersebut diperoleh. Maklumat yang terkandung dalam semua dokumen, sama ada dokumen rasmi atau tidak rasmi diteliti satu persatu dan dibuat analisis. Kandungan dalam dokumen ini dikaji untuk melihat kesesuaiannya dipadankan dengan soalan-soalan kajian yang dibina lebih awal. Manamana kandungan yang sesuai dimasukkan dalam tema-tema tertentu sebagai bahan sokongan kepada temubual dan sumber pemerhatian.

3.6.4 Kesahan

Kesahan adalah satu keperluan untuk memastikan keberkesanan kajian kualitatif (Cohen, Manion & Morrison, 2000). Mengikut Hammersley (dalam Miles & Huberman 1994) kesahan data dalam penyelidikan kualitatif boleh dinyatakan sebagai sejauh mana ketepatan mana satu-satu gambaran yang diperihalkan mewakili fenomena yang dikaji. Kesahan dalam kajian kualitatif diperoleh melalui triangulasi, kecaknaan terhadap isu bias penyelidik, pemeriksaan oleh partisipan, dan melalui penerangan yang tebal dan terperinci..

3.6.4.1 Triangulasi

Triangulasi adalah satu teknik kajian yang menggunakan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen, Manion & Morrison, 2000). Proses ini melibatkan sokongan bukti daripada sumber berbeza dalam usaha memahami dengan lebih lanjut satu-satu tema atau perspektif (Creswell, 1998). Triangulasi juga menjadi prosedur pengesahan data yang penting dalam metodologi kualitatif untuk

membentuk kebolehsandaran, kebolehpindahan dan kredibiliti dapatan kajian (Cummins, 2009). Denzin dan Lincoln (1994) telah mengenal pasti tiga langkah dalam triangulasi iaitu (1) kepelbagaian sumber data, (2) perbandingan hasil daripada pelbagai sumber data, dan (3) perbandingan pelbagai metod dalam analisis data. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan tiga kaedah mengutip data iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Penggunaan tiga kaedah kutipan data yang berbeza telah mengukuhkan lagi data yang diperoleh.

3.6.4.2 Bias penyelidik

Dalam penyelidikan kualitatif, bias, andaian dan peranan sebagai penyelidik boleh mempengaruhi teks (Creswell, 1998). Ini adalah penting bagi penyelidik kualitatif menyedari akan subjektiviti dalam memastikan dapatan kajian menepati dan bersifat objektif. Oleh itu penyelidik memberi perhatian terhadap isu berkaitan dengan bias dalam kajian. Dalam kajian kualitatif, penyelidik adalah instrumen kajian dan sering kali kurang objektif (Merriam, 1998). Penyelidik yang berkhidmat sebagai pensyarah-penyelia di IPG dan juga seorang kaunselor “memasuki” skop kajian dengan kepercayaan yang sangat minimum mengenai proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia dalam penyeliaan praktikum GBKSR. Ini bagi memastikan diri penyelidik tidak mempengaruhi proses kutipan dan pemerosesan data.

Selain itu elemen bias juga mungkin wujud dari perspektif penyelidik yang mempengaruhi soalan-soalan temu bual, pemilihan dan interpretasi pengkodan kategori dan tema (Merriam, 1998). Untuk meminimumkan perkara ini, penyelidik telah menggunakan perkhidmatan tiga orang rakan untuk membuat semakan dan pengesahan kategori dan tema yang diperoleh.

3.6.4.3 Pemeriksaan oleh partisipan

Semakan oleh partisipan merupakan kaedah terpenting untuk memastikan kredibiliti dapatan kajian. Selain itu, kaedah ini juga membenarkan penyelidik kualitatif memberi peluang kepada partisipan untuk menyemak dan menjelaskan transkrip temu bual dan interpretasi bagi mengesahkan ketepatan idea partisipan (Lincoln & Guba, 1985).

Penyelidik meminta partisipan meneliti data mentah dan meminta komen tentang ketepatannya. Selain itu partisipan juga diminta memberi komen terhadap ketepatan dan kesesuaian kategori dan tema, sama ada dibentuk dengan menggunakan bukti yang mencukupi dan sama ada laporan yang dibuat realistik atau tidak. Segala respon dan komen yang diperoleh daripada partisipan dimasukkan ke dalam laporan akhir. Hal ini menambahkan lagi kredibiliti dapatan kajian.

3.6.4.4 Penerangan yang tebal dan terperinci

Data yang kaya mampu mewujudkan suasana atau pengalaman melalui proses penyeliaan dan bentuk amalan pensyarah-penyelia walaupun pembaca tidak berada dalam *setting* tersebut. Penerangan yang terperinci dan mendalam membolehkan pembaca merasai dan mengalami serta mendapatkan pendedahan yang berkualiti mengenai ciri-ciri proses dan bentuk amalan serta membangkitkan perasaan dan budaya pengalaman pendidikan. Diskripsi yang mendalam membolehkan pembaca merasai atau mengalami pengalaman yang dijelaskan secara realistik, seolah-olah pembaca hadir dalam *setting* yang diceritakan. Oleh itu penerangan harus disertai dengan data yang konkrit daripada pelbagai sumber dan ditulis menggunakan gaya komunikasi dan budaya pendidikan (Sherman & Webb, 2001).

Data yang kaya dan dari sumber yang pelbagai membolehkan pembaca menentukan kebolehpindahan kesimpulan kajian (Creswell, 1998). Dalam kajian ini data dipersembahkan sebagai suatu penerangan terperinci tentang fasa-fasa dalam proses penyeliaan, fokus penyeliaan, kaedah-kaedah yang digunakan semasa menyelia dan mempersembahkan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Deskripsi tebal dan mendalam yang dikemukakan oleh penyelidik membolehkan pembaca membuat kesimpulan sendiri tentang kebolegunaan dapatan kepada latar lain atau mengikut konteks yang serupa.

3.6.5 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana sesuatu penyelidikan itu boleh diulang semula. Dalam kajian kualitatif kebolehpercayaan diperoleh melalui jejak audit (*audit trail*), semakan rakan sekerja dan menggunakan kaedah Indeks Cohen Kappa.

3.6.5.1 *Jejak audit*

Dalam memastikan kebolehpercayaan data, penyelidik juga menggunakan kaedah jejak audit. Jejak audit dijalankan dengan meminta individu di luar kajian memeriksa naratif atau laporan kajian bagi menentukan kredibilitinya. Jejak audit dibina dengan mendokumenkan semua aktiviti proses inkuiri melalui penulisan jurnal, menyimpan log penyelidikan semua aktiviti yang dijalankan, membentuk kronologi pengumpulan data dan merekod prosedur analisis dengan jelas dan terperinci. Dalam konteks kajian ini penyelidik telah meminta seorang pembaca untuk membuat pemeriksaan laporan dan semua dokumen yang berkaitan dengan aktiviti pengumpulan data untuk disahkan. Penyelidik melaporkan dalam *audit trail* secara jelas tentang beberapa perkara seperti

sebab dijalankan kajian adalah disebabkan perasaan ingin tahu dan minat yang mendalam terhadap proses penyeliaan kaunseling.

3.6.5.2 Semakan rakan sekerja

Kumpulan data yang siap dirujuk kepada panel pakar untuk semakan dan pengesahan. Proses ini dipanggil semakan rakan. Untuk tujuan semakan ini penyelidik telah mendapat khidmat tiga orang pensyarah-penyelia yang pakar dalam bidang kaunseling iaitu dua orang pensyarah-penyelia IPG dan seorang pensyarah-penyelia di IPTA. Mereka juga pakar dalam metodologi penyelidikan kualitatif. Penyelidik mengambil kira respon daripada panel tersebut.

Hasil daripada semakan panel, mereka telah memberi respon terhadap tiga perkara iaitu (1) cadangan supaya aplikasi teori kaunseling dimasukkan sebagai salah satu subkategori penyeliaan klinikal bersama-sama dengan penyeliaan proses dan kemahiran kaunseling. Penyelidik pada asalnya tidak menyenaraikan aplikasi teori kaunseling sebagai salah satu subketgori di bawah penyeliaan klinikal, (2) panel memberi maklum balas supaya refleksi isi dan refleksi perasaan dijadikan sebagai dua subelemen yang berbeza. Penyelidik pada asalnya mengkategorikan kedua-dua subelemen ini dibawah satu elemen sahaja iaitu kemahiran refleksi, dan (3) barisan panel mencadangkan kategori bentuk amalan pensyarah-penyelia dibentuk secara terperinci. Hasilnya wujud enam kategori bentuk amalan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR iaitu: (1) amalan mendidik, (2) amalan sebagai kaunselor, (3) amalan menilai, (4) amalan berunding, (5) amalan pemodelan dan (6) amalan mengarah.

Penyelidik pada asalnya mengkategorikan lima bentuk amalan pensyarah-penyelia iaitu amalan berunding digabung bersama dengan amalan sebagai kaunselor. Berdasarkan cadangan dan maklum balas daripada panel, penyelidik telah membentuk semula kategori dan tema seperti yang disarankan oleh panel tersebut. Hasilnya wujud satu tema, tiga subtema, 18 kategori, 20 subkategori, 11 elemen dan dua subelemen.

3.6.5.3 Perkali persetujuan Kohen Kappa

Akhirnya penyelidik menilai kebolehpercayaan dengan menentukan kaedah Indeks Cohen kappa, iaitu nilai penentuan darjah persetujuan pengkodan yang dilakukan penyelidik dengan pengkodan yang dilakukan oleh pakar bidang yang diselidiki (Noriah, 2010). Analisis Indeks Cohen Kappa digunakan bertujuan untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan tema yang dikaji (Zamri Mahmod & Noriah Mohd Ishak, 2003). Hal ini dilaksanakan dengan memadankan senarai tema dan subtema dengan definisi operasi untuk dinilai kebolehpercayaannya. Untuk tujuan ini, penyelidik telah melantik tiga orang panel pakar yang berfungsi untuk menyemak dan membuat penilaian pekali persetujuan terhadap tema-tema yang muncul dalam penyeliaan praktikum GBKSR. Tema-tema yang dinilai oleh pakar-pakar ini diperoleh daripada data pemerhatian dan temu bual yang dijalankan bersama penyelia praktikum GBKSR.

Jumlah tema yang dinilai ialah sebanyak 26 unit. Setiap tema atau unit diberi definisi operasi dan diberikan kepada pakar-pakar tersebut untuk disemak dan dibuat pengiraan persetujuan tentang ketepatan unit-unit analisis tersebut. Jumlah unit ialah sebanyak 26 unit dan jumlah ini sudah mencukupi untuk digunakan bagi tujuan menilai perkali persetujuan pengiraan Cohen Kappa. Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh

Zahrah Mokhtar (2002) dan Tam Yeow Kwai (1999), yang menggunakan hanya 20 unit untuk mencari nilai persetujuan antara pakar. Dua daripada panel adalah pakar dalam penyelidikan kualitatif dan seorang lagi adalah pakar dalam bidang kaunseling. Pakar-pakar ini mengesahkan unit-unit analisis dengan kod-kod yang diberikan berasaskan definisi operasi dan kod yang diberikan oleh penyelidik.

Selepas kesemua pakar membuat penilaian, penyelidik menghitung nilai persetujuan daripada borang yang diterima daripada pakar tersebut. Berikut adalah pengiraan nilai persetujuan antara pakar penilai berdasarkan formula Cohen Kappa.

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

Di mana: fa - unit persetujuan
fc - 50% jangkakan persetujuan
N - bilangan unit yang diuji nilai persetujuan

Nilai Indeks Cohen Kappa (K) yang didapati adalah 0.88. Nilai ini merupakan satu nilai kebolehpercayaan yang sangat baik. Nilai serendah 0.75 di anggap persetujuan yang kuat, manakala 0.4 hingga 0.75 sebagai persetujuan sederhana dan nilai di bawah 0.4 dianggap nilai persetujuan yang lemah (Landis, J.R & Koch, G.G, 1997). Ini bermakna unit analisis yang dibuat oleh penyelidik adalah seiring dengan tema yang dicadangkan. Jadual 3.12 menunjukkan sedutan contoh tema yang muncul yang kemudiannya diberi definisi operasi dan dipadankan dengan unit-unit analisis daripada petikan temu bual mengenai tema berkenaan.

Jadual 3.12:

Contoh Pengesahan Unit Definisi Temu Bual Bagi Penyeliaan Proses Kaunseling

Bil	Kod	Definisi Operasi	Contoh Unit	Tahap Persetujuan		
				Ya	Tidak	
1	PP	Penyeliaan kaunseling – membina hubungan	Proses – Aspek	...saya tengok bagaimana penyusunan dalam fasa-fasa perjalanan sesi kaunseling...bagaimana kaunselor melayan kliennya...respon yang ditunjukkan dalam menerima kehadiran klien...itu antara yang saya lihat sewaktu menyelia pelatih.		
2	PP MM	Penyeliaan kaunseling – meneroka masalah	Proses – Aspek	Saya juga melihat aspek bagaimana pelatih saya membuat penerokaan terhadap masalah yang dihadapi kliennya...		
3	PP MPM	Penyeliaan kaunseling – mengenalpasti masalah	Proses – Aspek	Seterusnya dilihat juga bagaimana pelatih sewaktu berbincang dengan kliennya menentukan masalah-masalah yang dihadapi dan membuat keutamaan antara masalah-masalah yang dikemukakan		
4	PP MK	Penyeliaan kaunseling – membuat keputusan	Proses – Aspek	...biasakan...dalam proses kaunseling antara fasa penting ialah pembuatan keputusan oleh klien itu sendiri.		
5	PKK KRI	Penyeliaan kaunseling – kemahiran refleksi isi	Proses – Aspek	...jadi awak tak setuju dengan tindakan guru mendenda awak tu..		
6	PKK KRP	Penyeliaan kaunseling – kemahiran refleksi perasaan	Proses – Aspek	Dan awak memang sedih dan marah pada rakan yang berkata bodoh pada awak di khalayak ramai		

Bagi memudahkan pengiraan, penyelidik telah menyediakan senarai semak untuk pakar mencari nilai persetujuan berdasarkan definisi operasi dan contoh unit. Selepas pakar-

pakar memberi nilai persetujuan, proses pengiraan dijalankan. Jadual 3.13 menunjukkan contoh proses pengiraan berdasarkan formula Cohen Kappa.

Jadual 3.13

Contoh Proses Pengiraan Berdasarkan Formula Cohen Kappa

Tema (Unit)	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Nilai persetujuan keseluruhan
Proses kaunseling-Aspek membina hubungan	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$\frac{0.84+0.84+0.84}{3}$ K=0.84
Proses kaunseling-Aspek meneroka masalah	$K = \frac{25-13}{26-13}$ K=0.92	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{26-13}{26-13}$ K=1.0	$\frac{0.92+0.84+1.0}{3}$ K=0.92
Proses kaunseling-Aspek mengenalpasti masalah	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{25-13}{26-13}$ K=0.92	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$\frac{0.84+0.92+0.84}{3}$ K=0.86
Proses kaunseling-Aspek membuat keputusan	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{25-13}{26-13}$ K=0.92	$\frac{0.84+0.84+0.92}{3}$ K=0.86
Proses kaunseling-Aspek kemahiran refleksi isi	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$\frac{0.84+0.84+0.84}{3}$ K=0.84
Proses kaunseling-Aspek kemahiran refleksi perasaan	$K = \frac{26-13}{26-13}$ K=1.0	$K = \frac{24-13}{26-13}$ K=0.84	$K = \frac{25-13}{26-13}$ K=0.92	$\frac{1.0+0.84+0.92}{3}$ K=0.92

3.7 Rumusan

Bab ini telah menerangkan dengan terperinci tentang reka bentuk kajian, pemilihan partisipan dan tempat kajian, tatacara pemerolehan data dan prosedur penganalisan data. Di samping itu laporan dapatan daripada kajian rintis turut disertakan. Begitu juga dengan proses mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data dijelaskan. Bab 4 merupakan paparan data sebenar yang diperoleh daripada sumber-sumber di atas.